

A «-  
w3-

**PARLIMEN**

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEDUABELAS 2011

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARI RABU : 6 APRIL 2011**

CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA.

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DAP AT DIJAWAB DIDALAM DEWAN  
(SOALANNO. 2,8,10,11,13 HINGGA 69)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1,3 HINGGA 7, 9 DAN  
[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**No: 2**

**PERTANYAAN**

**BAGI JAWAB LISAN**

**DARI PAD A**

**DATO' RASHID BIN DIN  
[MERBOK]**

**T ARIKH**

**6 APRIL 2011**

**SOALAN**

**Dato' Rashid bin Din** <sup>2</sup> **[Merbok]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan dalam usaha untuk mengurangkan kemalangan jalan raya, dan mengambil iktibar bahawa ops sikap kurang berkesan, apakah JKJR sedar bahawa keberkesanan pelaksanaan dijejaskan oleh keadaan di mana nama boleh dikeluarkan daripada senarai jikalau pesalah itu ada "orang dalam" atau kenalan mereka. Bagaimana JKJR menangani masalah ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Ops Sikap dijalankan oleh agensi penguatkuasa seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dengan matlamat untuk mengurangkan bilangan kematian dan kecederaan akibat kemalangan jalan raya pada masa musim perayaan. Ops Sikap merupakan pendekatan terbaik dalam menangani isu kemalangan jalan raya. Hal ini kerana setiap kali musim perayaan, bilangan kematian akibat kemalangan jalan raya dapat dibendung ke tahap yang lebih rendah berbanding hari biasa walaupun bilangan kenderaan di

atas jalan raya meningkat 2 kali ganda. Sebagai contoh, pada Tahun Baru Cina baru-baru ini, purata kematian sehari bagi tempoh 15 hari Ops Sikap tersebut adalah 13 kematian berbanding 19 kematian pada hari-hari biasa. Sehubungan dengan itu, dapat dilihat bahawa Ops Sikap yang dilaksanakan oleh Kerajaan seiam ini adalah berkesan dan dapat membantu dalam mengurangkan kadar kematian akibat kemalangan jalan raya.

Tuan Yang DiPertua,

Semua saman yang dikeluarkan oleh PDRM, JPJ atau mana-mana agensi penguatkuasa disimpan di dalam sistem berkomputer. Sebagai contoh mengikut rekod semenjak tahun 2000 hingga 1 Mac 2011 terdapat sebanyak 20.360 juta saman dikeluarkan oleh PDRM, JPJ dan DBKL yang masih belum diselesaikan. Ini bermakna saman-saman yang dikeluarkan dan direkodkan di dalam sistem tidak boleh dikeluarkan sewenang-wenangnya.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :

JAWAB LISAN PUAN

DARI PAD A

TEO NIE CHING 6

TARIKH

APRIL 2011 (SELASA)

SOALAN

Puan Teo Nie Ching [ <sup>NO.8</sup> Serdang ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan perkembangan untuk membangunkan *Johns Hopkins Medical School* berserta hospital 600 katil dan sebuah pusat penyelidikan di Serdang, Selangor. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Pusat untuk menjadikan Malaysia sebuah hab latihan perubatan berkemahiran tinggi.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengajian Tinggi telah meluluskan penubuhan dan pendaftaran *Perdana University*, dengan izin, yang akan beroperasi di kampus sementara di Serdang, Selangor mulai September 2011. Kampus tetapnya pula dijangka akan beroperasi pada tahun 2013.

Pada fasa pertama penubuhannya, *Perdana University* akan menawarkan program pengajian secara kerjasama dengan dua universiti perubatan terkemuka dunia iaitu, dengan izin, *Johns Hopkins University School of Medicine* dan *Royal College of Surgeon, Ireland*.

Kementerian mengalu-alukan universiti-universiti, khususnya yang ternama, dalam bidang perubatan untuk menubuhkan kampusnya di negara ini. Tumpuan Kementerian ialah untuk menjamin program perubatan yang ditawarkan di Malaysia adalah yang berkualiti tertinggi, memenuhi standard minimum yang ditetapkan oleh MQA dan MMC. Pada masa yang sama, lulusan program perubatan ini juga mendapat pengiktirafan badan profesional perubatan negara-negara yang lain.

SOALANNO: 10

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR BIN  
JAMALUDDIN [ BUKIT GANTANG ]**

**TARIKH : 6 APRIL 2011**

**SOALAN**

**Dato' Seri Mohammad Nizar Bin Jamaluddin [Bukit Gantang] minta  
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR  
menyatakan apakah status sebuah kilang baja haram  
menggunakan najis ayam di Bt 14 Trong, Bukit Gantang dan  
apakah tindakan yang diambil Kementerian dalam menyelesaikan  
masalah pencemaran udara, sungai dan alam sekitar.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kiiang baja yang menggunakan najis ayam di Bt 14 Trong, Bukit Gantang didirikan di atas tanah hakmilik yang mana syarat bagi kegunaan tanah adalah pertanian. Siasatan juga mendapati tiada sebarang kelulusan diberikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kepada pihak kiiang untuk menjalankan operasi tersebut. Kedudukan kiiang adalah lebih kurang 1.8 km daripada kawasan kampung terdekat.**

**Sehubungan dengan itu, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mengeluarkan Notis Arahan kepada pihak kiiang supaya mengambil tindakan menutup sepenuhnya bangunan yang menjalankan proses fermentasi dan memasang alat kawalan pencemaran udara yang sesuai.**

**Pemeriksaan oleh pihak JAS pada 4 Mac 2011 mendapati pihak kiiang telah mengambil tindakan menutup sepenuhnya bangunan tersebut dengan kanvas. Pihak kiiang juga sedang mengambil tindakan sewajarnya untuk memasang alat pengering (dryer) untuk mengeringkan najis ayam serta alat kawalan penyerap bau (scrubber) untuk mengawal bau.**

**Selain tindakan tersebut, Pejabat Tanah dan Daerah Larut, Matang dan Selama juga telah diminta untuk mengambil tindakan ke atas kilang dari segi pelanggaran syarat nyata tanah.**

**Sekian, terima kasih.**



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>DATUK JUSLIE BIN AJIROL (LIBARAN) 6</b>
<b>TARIKH</b>	<b>APRIL 2011 (RABU)</b>
<b>SOALAN</b>	

**Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah Kerajaan bercadang menubuhkan satu bentuk Majlis Penilai dalam memantau langkah Penswastan dan Perkongsian Awam (PPP) sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang menubuhkan Majlis Penilai dalam memantau langkah Penswastan dan Perkongsian Awam (PPP) sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Ini adalah kerana Kerajaan telah pun menubuhkan Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS, JPM) sebagai agensi pusat yang merancang, menyelaraskan dan memantau pelaksanaan dasar serta projek penswastan dan PPP. Bagi tugas-tugas pemantauan, UKAS, JPM akan bekerjasama rapat dengan agensi-agensinya pelaksana melalui mekanisme pemantauan sedia ada bagi memastikan kelicinan pelaksanaan projek-projek penswastan dan PPP.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN                      JAWAB LISAN

DARI PAD A :            PUAN TAN AH ENG [GELANG PATAH]

TARIKH                              6 APRIL 2011 (RABU)

SOALAN

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan

- (a) adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk mengubah suai garis panduan (pendapatan minimum) bagi pemohon baru khasnya di kawasan bandar raya; dan
- (b) jumlah penerima Bantuan 1 Azam dan masalahnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Garis panduan untuk penetapan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) adalah ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan perkara ini dikaji dua (2) kali setiap Rancangan Malaysia mengikut faktor kos sara hidup dan laporan Indeks Harga Pengguna (IHP) atau lebih dikenali, dengan izin, *Consumer Price Index* (CPI) daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Kali terakhir kajian bagi menetapkan pendapatan garis kemiskinan telah dibuat pada tahun 2009. PGK adalah pendapatan minima yang diperlukan oleh seisi rumah untuk menampung perbelanjaan keperluan asas iaitu makanan dan bukan makanan (seperti pakaian, kelengkapan rumah, perabot, sewa rumah dan kenderaan) yang mencukupi untuk sesebuah keluarga.

Tuan Yang di-Pertua,

Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah (LIH) telah menetapkan golongan miskin tegar adalah mereka yang mempunyai PGK makanan kurang daripada RM440 bagi Semenanjung Malaysia, RM540 bagi Negeri Sabah dan RM520 bagi Negeri Sarawak. Bagi PGK golongan miskin pula adalah isi rumah yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM750 bagi Semenanjung, RM960 bagi Negeri Sabah dan RM830 bagi Negeri Sarawak. Seterusnya, golongan mudah miskin pula mereka yang mempunyai pendapatan melebihi RM750 bagi Semenanjung, RM960.00 bagi Negeri Sabah dan RM830.00 bagi Negeri Sarawak tetapi tidak melebihi daripada RM1.500 bagi seisi rumah di bandar dan RM1,200 bagi seisi rumah di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua,

- (b) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menjalankan kajian minat ke atas Program 1AZAM pada tahun 2010 terhadap ketua isi rumah (KIR) miskin tegar dan miskin yang berdaftar di bawah sistem eKasih. Seramai 45,611 KIR yang berdaftar di bawah sistem eKasih telah dibanci. Sehingga 28 Februari 2011 yang lalu, seramai 7,401 ketua isi rumah yang menyatakan minat menyertai Program 1AZAM telah menyertai program tersebut. Daripada jumlah ini seramai 1,074 ketua isi rumah sedang mengikuti Projek Azam Tani di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, seramai 684 ketua isi rumah telah ditawarkan pekerjaan bagi Azam Kerja di bawah Kementerian Sumber Manusia dan seramai 818 ketua isi rumah sedang menjalani latihan keusahawanan di bawah projek Azam Niaga dan Azam Khidmat oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Seramai 1,959 ketua isi rumah di Negeri Sabah dan seramai 2,866 ketua isi rumah Negeri Sarawak sedang mengikuti program 1AZAM.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara masalah yang wujud dalam pelaksanaan Program 1AZAM adalah kadar, dengan izin, 'drop out' yang tinggi di kalangan peserta Projek AZAM Kerja kerana tidak mempunyai daya tahan untuk terus kekal bekerja. Berdasarkan data yang diterima daripada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) sehingga 31 Disember 2010, terdapat 264 daripada 871 KIR yang telah menolak tawaran kerja yang diberikan (drop-out). Kadar, dengan izin, 'dropout' tertinggi adalah di negeri Kelantan iaitu 98 KIR dan diikuti oleh negeri Johor iaitu seramai 39 KIR. Antara faktor yang menyumbang kepada kadar, dengan izin, 'drop-out' tersebut adalah seperti KIR selesa dengan pekerjaan sedia ada, menjaga ahli keluarga yang cacat dan uzur serta tiada minat untuk bekerja. Sehubungan itu, pihak Kementerian telah menganjurkan Program Perubahan Minda di bawah inisiatif NKRA Kementerian yang bertujuan untuk meningkatkan motivasi peserta AZAM seterusnya memastikan tahap, dengan izin, 'resilient' peserta berkekalan.

Soalan No : /</■

#### PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN  
DARI PAD A

LISAN  
Y.B. DATO' TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB  
(BALING)

TARIKH 06.04.2011

SOALAN:

Y.B. DATO' TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB [ BALING ] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah Sekolah Agama Rakyat (SAR) setiap negeri yang berdaftar dengan Kementerian dan bilakah bantuan kepada SAR tersebut yang berjumlah RM95 juta akan diagihkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Bilangan Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang berdaftar dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) adalah sebanyak 82 buah. Daripada jumlah tersebut, 74 buah adalah sekolah menengah dan selebihnya adalah sekolah rendah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menyediakan peruntukan kewangan berjumlah RM95 juta untuk membantu SAR. Pada masa ini KPM sedang dalam proses membuat agihan peruntukan tersebut. Perlu dijelaskan bahawa pemberian bantuan tersebut akan melalui proses tertentu seperti SAR mengemukakan permohonan kepada KPM melalui JAIN dan disahkan oleh JPN negeri. Kemudian KPM mengumpul dan meneliti permohonan, membuat agihan berdasarkan prosedur kewangan, dan seterusnya menyampaikan bantuan kepada SAR berkenaan. Lazimnya proses agihan tersebut mengambil tempoh selama sebulan selepas menerima permohonan sekiranya dokumen yang diperlukan sempurna mengikut peraturan kewangan sebelum disampaikan kepada SAR.

Rjm 93

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : DATUK DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD**  
**TARIKH : 6 APRIL 2011 (RABU)**  
**SOALAN : NO.15**

**Datuk Dr. Muhammad Leo Michael Toyad [ Mukah ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan setakat mana penerimaan lulusan politeknik awam oleh IPT swasta yang ditubuhkan di Malaysia dan cawangan IPT program kembar.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, akses dan ekuiti dalam pengajian tinggi negara merupakan kesinambungan daripada peringkat prasekolah, rendah dan menengah. Selain IPTA, IPTS juga memainkan peranan besar dalam menyediakan peluang kepada pelajar untuk menyertai pendidikan tertiar. Sehingga 28 Februari 2011, terdapat sebanyak 24 buah IPTS bertaraf universiti, 20 buah bertaraf kolej universiti, 5 buah IPTS kampus cawangan universiti luar negara dan 436 IPTA bertaraf kolej yang berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi.

Kelayakan masuk ke IPTS bagi program pengajian peringkat diploma adalah lulus SPM dengan sekurang-kurangnya 3 kredit atau memiliki sijil dari mana-mana institusi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia (bagi program berkaitan). Manakala bagi program ijazah, syarat kelayakan masuk adalah lulus STPM atau Matrikulasi atau Diploma dari mana-mana institusi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dengan pencapaian CGPA tertakluk kepada keperluan program berkaitan yang ditentukan oleh IPTS masing-masing dengan diperakukan oleh Agensi kelayakan Malaysia (MQA).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua program pengajian matang di politeknik telah mendapat akreditasi daripada MQA. Sehubungan itu, lulusan politeknik tiada halangan untuk diterima masuk bagi melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi di IPTS.

**Berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan Politeknik 2009 yang melibatkan 31,445 responden dari kalangan pelajar lulusan politeknik pada tahun 2008 menunjukkan 7.8 % lulusan politeknik melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Daripada jumlah tersebut, 13.5% melanjutkan pengajian di IPTS dan 0.9% melanjutkan pengajian ke luar negara.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT

PERTANYAAN  
DARIPADA

LISAN  
DR. CHE ROSLI BIN CHE  
MAT [HULU LANGAT]

TARIKH  
SOALAN

6 APRIL 2011 (RABU)

Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANGAT] minta PERDANA MENTERI menyatakan rancangan jangka pendek dan panjang berikutan penubuhan Perbadanan Tenaga Nuklear dalam merealisasikan penjanaaan tenaga dari Reaktor Nuklear

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada 11 Januari 2011, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan penubuhan Perbadanan Kuasa Nuklear Malaysia (MNPC) yang diberikan tanggungjawab untuk menyelaras, merancang dan memacu pelaksanaan program pembangunan kuasa nuklear berdasarkan garis panduan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) yang mengesyorkan supaya suatu Organisasi Pelaksanaan Program Tenaga Nuklear (*Nuclear Energy Programme Implementing Organisation* (NEPIO)) ditubuhkan oleh mana-mana negara yang berhasrat untuk menggunakan tenaga nuklear.

2. Untuk tujuan ini, Perbadanan Kuasa Nuklear Malaysia telah dan sedang memperincikan rancangan jangka pendek dan panjang yang mengambilkira sembilan belas (19) aspek infrastruktur seperti yang disyorkan oleh Agensi Tenaga Atom Antarabangsa.



3. Untuk rancangan jangka pendek, tumpuannya adalah pada pelaksanaan kajian terperinci oleh juruperunding antarabangsa yang berpengalaman dalam projek- projek loji janakuasa nuklear, terutama kajian-kajian berikut:

- i) Penyediaan Pelan Pembangunan Infrastruktur Kuasa Nuklear (*Nuclear Power Infrastructure Development Plan (NPIDP)*) yang merangkumi penilaian terhadap tahap kesediaan negara dalam kesemua sembilan betas (19) aspek infrastruktur seperti yang telah disebut di atas. Penilaian ini akan disemak oleh Agensi Tenaga Atom Antarabangsa berdasarkan garis panduannya;
- ii) Penyediaan program penyebaran maklumat mengenai pelbagai aspek penggunaan kuasa nuklear kepada kesemua pihak berkepentingan (*stakeholders*), termasuk tinjauan pendapat umum mengenainya;
- iii) Kajian kesediaan rangka kerja perundangan dan kawalseliaan sebagai asas pembangunan sistem kawalseliaan nuklear yang komprehensif untuk menjamin keselamatan awam dan kesejahteraan alam sekitar negara, termasuk pematuhan terhadap sistem tadbir urus nuklear antarabangsa (*international nuclear governance*) yang berasaskan triti, konvensyen dan perjanjian antarabangsa yang berkenaan; dan
- iv) Kajian terperinci untuk mengenalpasti tapak yang sesuai untuk pembinaan loji janakuasa nuklear berdasarkan kriteria pemilihan yang disyorkan oleh Agensi Tenaga Atom Antarabangsa dan lazim digunakan oleh negara-negara maju.

4. Rancangan jangka panjang akan dirumuskan berdasarkan kepada Pelan Pembangunan Infrastruktur Kuasa Nuklear (NPIDP) tersebut, termasuk pembangunan perundangan dan sistem kawalseliaan nuklear negara yang komprehensif, pengurusan pihak berkepentingan, pematuhan terhadap sistem tadbir urus nuklear antarabangsa, pembangunan modal insan, pembangunan industri sokongan tempatan, pembiayaan, pengurusan sisa radioaktif, pengurusan kitaran bahan api nuklear, dan keselamatan awam dan perlindungan alam sekitar.



**PEMBERITAHU PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA**

**TUAN TENG BOON SOON [TEBRAU]**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**TARIKH**

**06.04.2011**

1. Tuan Teng Boon Soon [Tebräu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah strategi dan langkah terkini Kerajaan untuk mengurangkan spekulasi harga rumah supaya kemampuan memiliki rumah pertama oleh rakyat golongan berpendapatan rendah dan sederhana khususnya di kawasan bandar tidak terjejas.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Harga harta kediaman mulai meningkat sejak suku keempat 2009, berikutan kenaikan transaksi unit kediaman sebanyak 25.1% (Q4 2008:

0.9%) sejajar dengan pemulihan ekonomi serta

peningkatan pendapatan isi rumah. Di samping itu, peningkatan ini juga disumbangkan oleh kenaikan harga bahan mentah, buruh dan tanah. Sungguhpun indeks harga rumah pada keseluruhannya hanya

meningkat 6.7% bagi tahun 2010, didapati sesetengah lokasi di bandar utama Lembah Keiang dan Pulau Pinang mengalami kenaikan harga yang lebih ketara.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Meskipun harga kediaman telah meningkat, Kerajaan terus memastikan setiap rakyat, terutamanya bagi golongan miskin dan berpendapatan rendah agar mampu memiliki sebuah rumah. Untuk itu, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah 568 juta ringgit bagi membina 300 unit kediaman di bawah Projek Bantuan Perumahan Bandar, 79 ribu unit di bawah Program Perumahan Rakyat dan 8 ribu unit di bawah Projek Bantuan Sewa Rumah. Peruntukan tambahan sebanyak 50 juta ringgit juga disediakan, khususnya untuk membantu pekerja estet memiliki rumah dalam Skim Pembiayaan Perumahan Kos Rendah.

3. Bagi membantu golongan muda yang baru bekerja dengan pendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan untuk memiliki rumah, Kerajaan telah melancarkan Skim Rumah Pertamaku dengan kerjasama Cagamas Bhd pada 8 Mac 2011. Ini merupakan inisiatif kerajaan untuk mengurangkan beban golongan muda memiliki rumah berharga antara RM100,000 dan RM220,000, dengan tempoh pembayaran sehingga 30 tahun melalui pinjaman 100 peratus tanpa pengeluaran wang deposit. Selain itu, pembeli rumah pertama juga diberi pengecualian duti setem sebanyak 50% ke atas surat cara pindah milik sesebuah rumah dan surat cara perjanjian pinjaman

bagi

pembiayaan rumah berharga tidak melebihi RM350.000. Kerajaan juga akan melancarkan pembinaan rumah mampu milik yang berkualiti di kawasan bandar secara usaha sama dengan sektor swasta terutamanya untuk golongan muda berpendapatan RM3.000 sebulan.

4. Bagi memastikan harga kediaman terus stabil, di samping memastikan orang ramai akan terus mampu untuk membeli rumah, Kerajaan telah melaksanakan nisbah maksimum *loan-to-value* (LTV) kepada 70% bagi kemudahan pembiayaan rumah ketiga dan seterusnya, berkuat kuasa 3 November 2010. Langkah ini akan mengurangkan aktiviti spekulasi tanpa menjejaskan peluang pembeli rumah tulen yang berhasrat untuk memiliki rumah kediaman sendiri dan keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Secara keseluruhan, trend peningkatan harga harta kediaman ini pada amnya masih terkawal. Kerajaan terus memantau dengan teliti dan akan memperkenalkan langkah-langkah yang sewajarnya bagi memastikan kestabilan pasaran harta tanah dan kemampuan pemilikan rumah, khasnya golongan berpendapatan rendah dan sederhana tidak terjejas.

SOALAN NO. 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN ZULKIFLI BIN NORDIN

(KULIM BANDAR BARU)

TARIKH

6 APRIL 2011 (RABU)

SOALAN

YB Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan:-

- (a) apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang yang sedang dan akan diambil berkaitan dengan kes pembuangan bayi atau janin yang semakin serius; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang memperkenalkan mata pelajaran Kajian Sains Kemanusiaan & Reproduksi bagi mendedahkan pelajar terhadap bahaya dan risiko salah laku seks luar perkahwinan ini.

JAWAPAN Tuan

Yang DiPertua

- (a) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius isu pembuangan bayi/janin yang berleluasa dan telah pun mengambil langkah positif bagi menangani gejala tersebut baik dari segi dasar, program pencegahan mahupun pemulihan.

Dari segi dasar, Kerajaan telah pun meluluskan Dasar Pendidikan Kesihatan Reproktif dan Sosial (PKRS) dan Pelan Tindakannya pada November 2009. Dasar ini bertujuan untuk membangun individu dalam masyarakat terutama golongan muda supaya mempunyai sikap dan perilaku yang positif demi kesihatan reproduktif dan sosial. Pelaksanaan PKRS ini melibatkan kerjasama pelbagai pihak termasuk agensi Kerajaan, NGO, ibu bapa dan golongan muda sendiri.

Langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang telah dan akan diambil oleh

kementerian adalah seperti berikut:

### **Langkah Jangka Pendek**

i) **Kempen “Kami Prihatin”**

Kempen “Kami Prihatin” dijalankan dengan kerjasama Utusan Malaysia, ASTRO dan Karyawan (NGO) untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai pembuangan bayi dan penderaan kanak-kanak. Sejak kempen ini dilancarkan pada 8 April 2010, 4 program telah dijalankan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) iaitu di Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM).

ii) **PKRS dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)**

Kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah mendapat persetujuan Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) untuk mengintegrasikan pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial kepada pelatih mereka mulai sesi kedua PLKN iaitu pada bulan Jun

2011. Satu sesi pendedahan kepada 160 Komandan dan Timbalan Komandan kem PLKN telah diadakan pada 17 Februari 2011 dan disusuli dengan 5 sesi latihan kepada 1,500 jurulatih utama (*Training of Trainers - TOT*) pada 20 hingga 24 Mac 2011 di Melaka disusuli pada 6 hingga 10 April 2011 di Sarawak, 17 hingga 21 April 2011 di Kelantan dan 2 hingga 6 Mei di Sabah.

### **Program Pembangunan Keluarga dalam Kokurikulum Universiti Utara Malaysia**

Maklumat dan kemahiran mengenai tingkah laku berisiko tinggi juga telah diintegrasikan ke dalam silibus Kokurikulum Pembangunan Keluarga di Universiti Utara Malaysia yang

diperkenalkan mulai tahun ini. Kokurikulum yang bersifat kredit ini wajib diambil oleh pelajar bagi tempoh semester pertama hingga semester keempat dan dilengkapi dengan pelbagai aspek termasuk kemahiran kekeluargaan, keremajaan, pengurusan kewangan keluarga dan sendiri.

### **Projek Rintis UNFPA - (Modul Cakna Diri)**

Projek Rintis ini telah dijalankan di 5 buah sekolah bandar dan luar bandar iaitu di Pulau Pinang, Kelantan, Pahang, Selangor dan Wilayah Persekutuan. Program ini melibatkan pendidikan secara interaktif melalui “Modul Cakna Diri” (Edisi Remaja) bertujuan memberi kemahiran untuk menangani dan mencegah tindakan berisiko tinggi yang mengundang kepada kehamilan yang tidak diingini dan masalah seksualiti remaja. Di samping itu, “Modul Cakna Diri” (Edisi Ibu Bapa) juga telah dibangunkan bertujuan memberi panduan kepada ibu bapa dalam memahami perkembangan anak remaja dan meningkatkan pengetahuan berhubung pendidikan seksualiti dan kesihatan reproduktif remaja. Program ini akan diadakan secara perintis pada bulan Mei 2011.

### **Program-program Keibubapaan**

Kursus-kursus keibubapaan yang dijalankan oleh LPPKN dan dengan kerjasama NGO turut dilaksanakan untuk memberi kesedaran dan kemahiran kepada ibu bapa. Sebagai contoh program “Kenali Anak Kita” yang dijalankan dengan kerjasama PENGASIH dan Program Keibubapaan dengan kerjasama MAPIM yang akan diteruskan pada tahun ini.

Bagi tahun 2006 hingga 2010 sebanyak 4,610 program Ilmu Keluarga@LPPKN



telah diadakan melibatkan seramai 490,123 orang peserta. Bagi program SMARTSTART sebanyak 354 program telah diadakan dan melibatkan seramai 12,023. Bagi program Keluarga@kerja

P@W - Awam/Swasta sebanyak 363 program telah diadakan melibatkan seramai 15,852 orang peserta dan bagi program SMARTbelanja@LPPKN sebanyak 44 program telah diadakan dan melibatkan 2,330 orang peserta.

LPPKN juga telah mewujudkan 5 pusat remaja kafe@TEEN yang mensasarkan kepada golongan muda berumur antara 13 dan 24 tahun. Pusat remaja ini memberi maklumat berkaitan dengan aspek psikososial termasuk menyediakan khidmat kaunseling, klinikal dan pendidikan kemahiran hidup dalam aspek perhubungan dan tingkah laku berisiko kepada golongan muda. Sejak tahun 2006 hingga 2010 sebanyak 3,778 program telah diadakan dan melibatkan seramai 170,260 orang peserta.

### **Langkah Jangka Panjang**

Bagi tempoh jangka panjang, KPWKMM akan melaksanakan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial secara menyeluruh, merangkumi empat strategi yang digariskan dalam Dasar dan Pelan Tindakan PKRS iaitu:

- i) Advokasi
- ii) Pembangunan Modal Insan
- iii) Penyelidikan dan Pembangunan
- iv) Pemantauan dan Penilaian

Pelaksanaan PKRS akan melibatkan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan, NGO,

sektor swasta dan masyarakat terutamanya ibu bapa dan golongan muda.



Menyedari pelajar-pelajar sekolah perlu didedahkan terhadap bahaya dan risiko salah laku seks luar perkahwinan, Kementerian juga telah menggerakkan beberapa siri perbincangan dengan Kementerian Pelajaran untuk mengintegrasikan PKRS ke dalam pendidikan sekolah. Inisiatif Kementerian ini dijangka dapat menambah nilai (*value add*) kepada usaha Kementerian Pelajaran yang telah memulakan PKRS kepada pelajar Tahun 1 pada 2011.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT  
PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA Y.B. DATUK IR HAJI IDRIS BIN HJ. HARON  
[TANGGA BATU]**

**TARIKH 6 APRIL 2011 [RABU]**

**SOALAN**

Datuk Ir Hajl Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bentuk hukuman yang boleh dikenakan kepada orang Islam yang bekerja di premis-premis yang bercanggah dengan hukum-hukum Islam umpamanya mereka yang bekerja di premis-premis hiburan, yang lazimnya terdapat aktiviti penjualan arak dan minuman keras.

**JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL  
KHIR BIN HJ. BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN**

**PERDANA MENTERI)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559) memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang membuat, menjual, menawarkan atau mempamerkan untuk jualan, menyimpan atau membeli apa-apa minuman yang memabukkan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM5,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.**

**Walau bagaimanapun, menurut pandangan Islam bahawa sesuatu pekerjaan yang bertujuan bagi menyara keluarga mestilah pekerjaan yang sumbernya adalah halal dan tidak melibatkan perkara-perkara yang diharamkan oleh Allah. S.W.T. Sekiranya suasana kerja menghalang dari seseorang muslim melaksanakan tugas sebagai seorang muslim, maka dia hendaklah berusaha mendapat atau mencari pekerjaan yang lain demi menjaga kesucian agama dan aqidah Islam.**

**Sekian, terima kasih**



**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA                   TUAN HAJI AHMAD KASIM  
  ( KUALA KEDAH )**

**PERTANYAAN     :   LISAN**

**TARIKH                       06.04.2011**

Tuan Haji Ahmad Kasim ( Kuala Kedah ) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kaedah pengiraan baru bagi premium insurans kenderaan bermotor berdasarkan risiko profil individu berbanding sistem lama yang hanya berdasarkan kuasa enjin kenderaan bermotor dan tuntutan yang dikemukakan, tidakkah kaedah baru ini memberikan kesan secara tidak langsung memaksa rakyat membeli polisi insurans yang mahal dan membebankan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, insurans motor ditentukan berdasarkan Tarif Motor yang tidak pernah disemak sejak 1978. Di bawah Tarif Motor, kadar premium bagi polisi Pihak Ketiga adalah berdasarkan kapasiti kubik enjin kenderaan manakala bagi polisi Komprehensif, kadar premium ditentukan oleh kapasiti kubik dan nilai kenderaan yang diinsuranskan.

**2. Di samping itu, pemilik kenderaan akan menikmati Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD) bagi premium insurans motor yang dibayar berdasarkan pengalaman tuntutan masing-masing.**

**3. Di bawah rangka kerja perlindungan motor baru yang telah diumumkan baru-baru ini, kadar premium Tarif Motor akan diselaraskan secara beransur-ansur selama 4 tahun berkuatkuasa 1 Januari 2012. Ia bertujuan untuk memastikan orang ramai lebih mudah mendapat akses kepada perlindungan insurans motor pada kadar premium yang berpatutan dan menerima pembayaran tuntutan dengan lebih cepat. Kadar kenaikan juga adalah kecil supaya tidak membebankan rakyat dengan mengambil kira kepentingan golongan berpendapatan rendah. Perkara ini merupakan langkah pertama bagi menuju ke arah penentuan harga berdasarkan risiko dengan pemansuhan tarif yang dijangka akan berlaku pada tahun 2016. Dengan pelarasan ini, kadar premium yang dikenakan adalah lebih mencerminkan risiko yang ditanggung oleh penanggung insurans.**



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN DARIPADA</b>	<b>LISAN</b>
<b>TARIKH</b>	<b>TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU] 06.04.2011 (RABU)</b>

TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [ REMBAU ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan apakah langkah Kerajaan membantu rakyat menangani kenaikan harga barang makanan memandangkan kenaikan harga komponen ini melonjak tinggi sebanyak 2.8 peratus tahun lalu, berbanding Indek Harga pengguna keseluruhan sebanyak 2.2 peratus.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Bagi membantu rakyat menangani isu kenaikan harga barang-barang keperluan harian, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah dan strategi iaitu :

- i. Mengawal harga barang-barang kawalan yang merupakan barangan keperluan asas pengguna seperti gula, tepung gandum, minyak masak, beras dan bahan api (petrol, diesel dan gas memasak);



TARIKH

6 APRIL 2011

SOALAN

Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir (Ketereh) minta MENTERI KESIHATAN menyatakan jumlah jam iklan makanan ringan kepada kanak-kanak yang disiarkan melalui stesen televisyen. Apakah pengaruh kandungan iklan tersebut kepada perkembangan kesihatan kanak-kanak dan langkah-langkah Kerajaan dalam mempromosi kaedah pemakanan sihat di kalangan kanak-kanak.

Tuan Yang Di Pertua,

Hasil pemantauan Kementerian Kesihatan Malaysia menunjukkan bahawa daripada bulan Januari 2011 hingga Februari 2011, terdapat sejumlah 1,068 spot siaran iklan makanan ringan yang disiarkan melalui saluran televisyen di negara kita. Jumlah jam yang terlibat dalam siaran iklan bagi tempoh tersebut ialah selama 6 jam.

Kajian yang dijalankan bagi melihat kesan pemasaran makanan kepada kanak-kanak menunjukkan bahawa iklan makanan sedang dilakukan dengan meluas di seluruh dunia. Kebanyakan iklan adalah bagi makanan yang tinggi kandungan lemak, gula dan garam. Kajian ini juga membuktikan bahawa iklan televisyen mempengaruhi pemilihan makanan, permintaan dan corak pengambilan makanan kanak-kanak.

Pengambilan makanan yang tidak sihat dikaitkan dengan keadaan berlebihan berat badan dan obesiti, yang semakin meningkat di kalangan kanak-kanak di seluruh dunia pada ketika ini. Kedua-dua keadaan ini merupakan faktor risiko kepada penyakit tidak berjangkit, di mana risiko ini bermula di peringkat kanak-kanak dan akan meningkat semakin mereka meningkat dewasa.

**Tuan Yang Di Pertua,**

Menyedari kesan negatif iklan makanan terhadap kesihatan kanak-kanak, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengambil pelbagai langkah bagi mengawal keadaan ini. Garis Panduan Pengiklanan dan Pelabelan Maklumat Pemakanan Makanan Segera pada tahun 2008. Mengikut garis panduan ini, pengiklanan makanan segera semasa rancangan kanak-kanak di televisyen adalah diharamkan. Begitu juga dengan penajaan oleh industri makanan segera bagi rancangan kanak-kanak di televisyen. Di peringkat awal pelaksanaannya, 206 iklan makanan segera telah diharamkan. Pada ketika ini, syarikat makanan segera telah akur dengan larangan ini secara sukarela.

Kementerian Kesihatan Malaysia juga melaksanakan Program Penyusuan Susu Ibu dan Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan yang melarang pengiklanan dan promosi produk susu rumusan bayi dan peralatan penyusuan.

Dalam usaha untuk menerapkan amalan makan secara sihat kepada kanak-kanak sejak dari kecil, Kementerian Kesihatan Malaysia telah membentuk Garis Panduan Perancangan Menu Di Pusat Jagaan dan Taska dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat. Antara lain, garis panduan ini menggariskan cara untuk merancang menu dan menyediakan hidangan sihat kepada kanak-kanak. Kementerian Kesihatan Malaysia juga telah merangka aktiviti pendidikan pemakanan untuk kanak-kanak Tadika.

Kementerian Kesihatan juga turut membantu dalam pembentukan Panduan Pengurusan Kantin Sekolah yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Tujuan garis panduan ini adalah untuk mengawal penjualan makanan yang tidak berkhasiat kepada kanak-kanak dengan menyenaraikan makanan yang “digalakkan”, “tidak digalakkan” dan “dilarang” untuk dijual di kantin sekolah.

Dalam masa yang sama, Kementerian Kesihatan turut menjalankan aktiviti-aktiviti promosi makan secara sihat di sekolah-sekolah seperti Kempen

Kurangkan Gula dan Kem Pemakanan. Kempen Media Cara Hidup Sihat juga dilaksanakan sejak tahun 2006 yang menyalurkan mesej-mesej makan secara sihat melalui saluran media utama.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**Y.B. DATIN LINDA TSEN THAU LIN**

**[BATU SAPI]**

**6 APRIL 2010**

**DARIPADA**

**Meminta MENTERI PELANCONGAN**

**menyatakan:**

**TARIKH**

**SOALAN** adakah rancangan Kerajaan

menaiktaraf/memajukan Pantai Pasir Putih (*Sandy Plain*) yang merupakan satu-satunya pantai di kawasan Batu Sapi yang menjadi tempat tarikan pelancong dan tempat rehat kepada orang

## SOALAN 23

awam di daerah Sandakan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan telah memperuntukkan sebanyak RM 12.5 juta di bawah *First Rolling Plan* Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10) untuk membina infrastruktur dan kemudahan pelancongan di Sandakan khususnya di kawasan Sepilok dan Sepilok Laut. Sehingga kini, Kementerian belum menerima sebarang permohonan daripada pihak negeri Sabah untuk memajukan Pantai Pasir Putih sebagai tempat pelancongan yang utama di Sandakan.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pelancongan akan mengkaji cadangan Yang Berhormat dan sekiranya berpotensi akan dipohon di bawah '*Second Rolling Plan*' RMKe-10.

**NO. AUM : 23 NO.**

**AUP**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :            LISAN**



**DARIPADA**                      **TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF**

**[ BALIK PULAU ]**

**TARIKH**                        **6 APRIL 2011**

**RUJUKAN**                    **3462**

**SOALAN:**

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [ Balik Pulau ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan status kajian pindaan terhadap Akta Mesin  
Cetak dan Penerbitan 1984.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di Pertua,**

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan.**

**Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kerajaan tidak pernah mengenakan kawalan terhadap media atas talian menggunakan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.**

**Buat masa ini, saya ingin menyatakan bahawa Kementerian Dalam Negeri masih lagi di peringkat awal perbincangan untuk mengkaji semula keberkesanan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, termasuklah kesalahan menyalahgunakan bahan-bahan media cetak dalam saluran atas talian (*on-line*). Usaha ini adalah penting dan bertepatan dengan masa dan keadaan supaya Akta ini terus mantap dan kekal relevan demi memelihara keselamatan dan ketenteraman awam.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA Y.B. DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED**  
**[SEKIJANG]**

**TARIKH 6 April 2011**

**SOALAN**

Datuk Haji Baharum Bin Mohamed (Sekijang) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang membuat penempatan baru dan selamat bagi mangsa banjir di Daerah Segamat khususnya dalam kawasan Parlimen Sekijang kerana ancaman banjir besar 2006 dan 2011 telah mengakibatkan keselamatan dan kerugian besar kepada penduduknya terutama di kawasan taman-taman perumahan di dalam bandar dan kampung sekitarnya.

**JAWAPAN: DATUK LIEW VUI KEONG**

**TIMB. MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Majlis Keselamatan Negara (MKN) bersama Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah membina semula 12 unit rumah yang musnah akibat banjir 2006 di daerah Segamat Johor dan sedang membina 462 unit rumah di daerah Kluang dan Kota Tinggi, Johor di bawah Program Projek Penempatan Semula Mangsa Banjir. Program ini bertujuan menempatkan penduduk di daerah Kluang dan Kota Tinggi yang terjejas teruk akibat bencana banjir 2006 ke kawasan yang selamat dari banjir. Projek yang

menelan kos sebanyak RM79 juta dijangka siap pada pertengahan 2011. Ini bermakna, Kerajaan telahpun mengenalpasti kawasan-kawasan berisiko banjir yang dipertimbangkan untuk projek penempatan semula di negeri Johor sejak tahun 2006 lagi dan projek-projek tersebut kini hampir siap pelaksanaannya.

Namun demikian, selaras dengan fenomena perubahan iklim yang menyebabkan kejadian bencana yang berskala lebih besar dan kerap setiap tahun, Kerajaan berpandangan bahawa pembinaan semula rumah serta penyaluran bantuan kewangan selepas kejadian bencana memerlukan peruntukan kewangan yang besar. Justeru selaras dengan itu, penekanan kini diberi kepada aspek pencegahan di mana kerajaan menggalakkan pembangunan secara mapan serta penerapan konsep pengurangan risiko bencana (*disaster risk reduction*). Menerusi konsep ini setiap pembangunan yang dirancang untuk dilaksanakan perlu mengambil kira risiko-risiko yang ada dan langkah-langkah awal untuk menanganinya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TUAN NGA KOR MING

~~DARI~~DARIPADA ; 6.4.2011 (RABU)

NO. SOALAN 26

TUAN NGA KOR MING minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah Pelaburan Asing (*Foreign Direct Investment*) yang mengalir masuk ke Malaysia mengikut tahun dari 1990 hingga 2010 dan apakah rancangan Kerajaan untuk mengekalkan pelaburan asing yang sedia ada.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tahun 1990 hingga 2010, jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan adalah sebanyak RM658 billion melalui 18.555 projek pengilangan. Daripada jumlah tersebut, RM378.2

billion (57.5%) merupakan pelaburan asing manakala RM279.8 billion (42.5%) merupakan pelaburan domestik.

Pecahan pelaburan langsung asing yang diluluskan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan mengikut tahun adalah seperti berikut:

- pada tahun 1990, jumlah FDI adalah sebanyak RM17.6 billion;
- pada tahun 1991, jumlah FDI adalah sebanyak RM17.1 billion;
- pada tahun 1992, jumlah FDI adalah sebanyak RM17.8 billion;
- pada tahun 1993, jumlah FDI adalah sebanyak RM6.3 billion;
- pada tahun 1994, jumlah FDI adalah sebanyak RM11.3 billion;
- pada tahun 1995, jumlah FDI adalah sebanyak RM9.1 billion;
- pada tahun 1996, jumlah FDI adalah sebanyak

RM17.1

bilion;

- pada tahun 1997. jumlah FDI adalah sebanyak

RM11.5

bilion;

- pada tahun 1998. jumlah FDI adalah sebanyak

RM13.1

bilion;

- pada tahun 1999. jumlah bilion; pada tahun 2008, jumlah bilion;
- pada tahun 2000, jumlah bilion; pada tahun 2009, jumlah bilion; dan
- pada tahun 2001, jumlah bilion; pada tahun 2010, jumlah bilion.
- pada tahun 2002, jumlah FDI adalah sebanyak RM12.3
- pada tahun 2003, jumlah FDI adalah sebanyak RM19.8
- pada tahun 2004, jumlah FDI adalah sebanyak RM16.0
- pada tahun 2005, jumlah FDI adalah sebanyak RM11.6
- pada tahun 2006, jumlah FDI adalah sebanyak RM15.6
- pada tahun 2007, jumlah FDI adalah sebanyak RM13.2

FDI adalah sebanyak RM17.9 FDI adalah sebanyak RM46.1

FDI adalah sebanyak RM20.2 FDI adalah sebanyak RM22.1

FDI adalah sebanyak RM33.4 FDI adalah sebanyak RM29.1

Secara purata, jumlah kemasukan FDI sepanjang 20 tahun

adalah sebanyak RM18 bilion.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa mempergiatkan usaha untuk mengekalkan FDI yang sedia ada di Malaysia. Di antara langkah-langkah yang telah diambil adalah:

- Menubuhkan Unit Perlaksanaan Industri Daerah (DIU) bagi memantau pelaksanaan projek di peringkat daerah dan menyediakan bantuan yang diperlukan bagi mempercepatkan proses kelulusan.
- Menyediakan bantuan kepada para pelabur dalam bentuk aktiviti "handholding", dengan izin, bagi mengurangkan birokrasi, mempercepatkan kelulusan dari agensi-agensi berkaitan dan meningkatkan kadar pelaksanaan projek yang telah diluluskan;



- Pengwujudan Pusat Sehati di peringkat negeri dan Kerajaan Tempatan bagi membantu pelabur;
- Penubuhan Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan atau (PEMUDAH) bertujuan untuk meningkatkan lagi sistem penyampaian kerajaan dan juga untuk mengatasi isu birokrasi yang wujud di dalam urusan di antara pihak swasta dan Kerajaan;
- Kelulusan automatik bagi permohonan Lesen Pengilang. Berkuatkuasa pada 1 Disember 2008, kelulusan Lesen Pengilang secara automatik diberikan kecuali bagi aktiviti-aktiviti sensitif seperti keselamatan, kesihatan, alam sekitar dan keagamaan;
- Memperkenalkan pakei-pakei insentif tambahan untuk pengecualian cukai korporat kepada sektor-sektor industri yang strategik dan bidang-bidang baru dan berteknologi tinggi seperti sektor sumber tenaga alternatif, 'advanced electronics', bioteknologi, photonik, peralatan perubatan, ICT, aero-angkasa dan petrokimia; dan
- Menawarkan galakan insentif tambahan seperti insentif kali kedua kepada sVarikat-svarikat yang sedia ada bagi menqgalakkan proiek pembesaran dan diversifikasi di Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEW AN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI

TARIKH: 6 APRIL 2011

SOALAN:

**Datuk Abd. Rahman bin Bakri [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA**. menyatakan adakah Kerajaan bercadang menyediakan peruntukan bagi program membantu orang Islam yang bekerja di kiiang arak, kelab malam dan mana-mana premis membabitkan arak untuk meninggalkan bidang pekerjaan berkenaan dengan menawarkan latihan.

PR-000-L41338

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam era globalisasi dan sebagai sebuah negara yang mengamalkan prinsip-prinsip demokrasi, Kerajaan memberi kebebasan kepada rakyat untuk memilih bidang dan jenis pekerjaan yang mereka inginkan. Kerajaan juga tidak menyekat atau memaksa mana-mana pekerja untuk bekerja di mana-mana premis pekerjaan.
2. Bagi para pekerja Islam yang bekerja di kiiang arak, kelab malam dan mana-mana premis membabitkan arak, mereka mempunyai pilihan untuk bertukar pekerjaan kepada pekerjaan lain. Walaupun negara ini tidak mempunyai peruntukan undang-undang bagi menghalang orang-orang Islam bekerja di kiiang arak, kelab malam atau mana-mana premis melibatkan penjualan arak, namun sebagai orang islam, seseorang pekerja itu wajar memikirkan sumber pendapatannya berlandaskan prinsip keislaman yang dituntut agama.
3. Bagi membolehkan pekerja yang ingin mencari lain-lain pekerjaan, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja telah mewujudkan portal JobsMalaysia yang berfungsi sebagai hub pencarian pekerjaan dan penawaran pekerjaan secara online.

Melalui perkhidmatan ini, permohonan pencari kerja akan dipadankan dengan kekosongan jawatan yang didaftarkan oleh syarikat-syarikat mengikut kesesuaian kelayakan akademik dan pengalaman kerja.

**No. Soalan : 23**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA TUAN TONY PUA KIAM WEE**

**TARIKH 6 APRIL 2011 (RABU)**

**SOALAN**

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan**

- (a) skop dan syarat-syarat perlantikan Gamuda-MMC JV sebagai *Project Development Partner* (PDP) projek pembinaan MRT; dan**
- (b) kos pelantikan tersebut kepada Kerajaan, termasuk kos *contingency* atau luar jangkaan, jika ada.**

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Peranan MMC-Gamuda Joint Venture Sdn Bhd dalam projek MRT adalah sebagai Project Delivery Partner (PDP). Skop kerja syarikat usahasama tersebut termasuk tanggungjawab mengurus pelaksanaan projek mengikut jadual dan kos pembinaan yang telah disasarkan (Target Cost & Target Schedule) oleh pihak Kerajaan/ Prasarana.

Antara syarat-syarat perlantikan adalah pihak PDP akan bertanggungjawab serta menanggung segala kos tambahan sekiranya berlaku kelewatan menyiapkan projek mahupun kos- kos yang melebihi sasaran. PDP juga dilarang membida untuk apa-apa pakej kerja projek tersebut.

Pengecualian dibuat untuk kerja-kerja terowong di mana pihak MMC-Gamuda Joint Venture dibenarkan membida dengan kaedah "Swiss Challenge". Kaedah ini membenarkan MMC- Gamuda Joint Venture menyamai (match) sebut-harga yang paling kompetitif selepas proses tender terbuka. Pengecualian ini dibuat kerana MMC-Gamuda merupakan satu-satunya syarikat Malaysia yang mempunyai kepakaran dan pengalaman membina terowong bukan sahaja untuk projek-projek dalam negeri tetapi di luar negara juga.

- (b) Untuk perkhidmatan ini, syarikat usahasama akan dibayar fi dan penetapan peratusan fi masih lagi di peringkat perbincangan. Seperti

**yang dinyatakan di atas, kos tambahan sekiranya berlaku kelewatan menyiapkan projek mahupun kos-kos yang melebihi sasaran akan ditanggung oleh pihak PDP.**

**Sekian, terima kasih.**

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN**    **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA**      **DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB**  
**TARIKH**         **6            APRIL 2011 (RABU)**  
**SOALAN**         **N0.29**

Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib [ Langkawi ] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah penyelidikan yang dilakukan oleh universiti-universiti tempatan yang memberi manfaat secara langsung kepada masyarakat umum. Adakah ianya dipatenkan.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dijalankan oleh penyelidik-penyelidik di IPT sememangnya memberi manfaat secara langsung kepada masyarakat umum melalui penemuan teori dan idea baru, peningkatan tahap intelektual dan penciptaan teknologi baru. Di samping itu, R&D juga membantu dalam meningkatkan bilangan graduan pasca siswazah dan bilangan penerbitan serta menjana ekonomi negara melalui pengkomersilan hasil penyelidikan. Sehingga tahun 2010, sebanyak 133 produk R&D telah dipaten dan dikomersilkan hasil dari penyelidikan di IPTA. Antara hasil penyelidikan yang telah dikomersilkan ialah:

- i. Vita Grow oleh UPM merupakan baja yang digunakan untuk meningkatkan penghasilan nutrien pada tumbuhan serta merawat kerosakan tumbuhan dalam tempoh yang lebih singkat berbanding rawatan pada permukaan tanah (*topsoil treatment*). Produk ini telah dikomersilkan pada tahun 2008 dan memperoleh jumlah keseluruhan jualan kasar sebanyak RM 22.1 juta; dan
- ii. Hy-DeX (PSC 100) oleh UTM merupakan bahan kimia yang digunakan untuk menyahgris dan membersihkan hidrokarbon, membuang gas toksik dan memendekkan masa pembebasan LEL semasa proses penyelenggaraan loji. Sejak mula dikomersilkan pada tahun 2009, produk ini telah memperoleh jumlah keseluruhan jualan kasar sebanyak RM800 ribu;

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA :TUAN CHONG CHIENG JEN [ BANDAR  
KUCHING ]**

**TARIKH : 6 APRIL 2011**

**SOALAN**

**TUAN CHONG CHIENG JEN [ BANDAR KUCHING ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan sama ada siasatan dibuat oleh Suruhanjaya  
Pencegahan Rasuah Malaysia atas jualan tanah Kerajaan Sarawak.  
Lots 9192, 9193 dan 9194 Blok 11 Muara Tebas Land District,  
kepada syarikat yang dimiliki oleh anak-anak Ketua Menteri**

**SOALAN NO.: ^T30**

**Sarawak dengan harga yang kurang daripada 20 peratus harga pasaran tanah tersebut.**



**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

---

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Y.B. Bandar Kuching, siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ke atas isu yang dibangkitkan masih lagi dijalankan. Namun begitu, sebagaimana Y.B. sedia maklum, tindakan siasatan yang dijalankan tidak boleh didedahkan kepada umum sebagaimana peruntukan Seksyen 29(4) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.**

**Sekian, terima kasih.**

**SOALAN NO : 31**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI  
LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA PERTANYAAN LISAN  
DARIPADA : DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN

SAID

[PENGERANG]

TARIKH

6 APRIL 2011

SOALAN

Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah terdapat sebarang kajian atau cadangan:-

- (a) mewujudkan 1 hospital di Kawasan Pariimen Pengerang yang mempunyai kepadatan penduduk yang melebihi 70 ribu orang dan menambah bilangan doktor pakar berbanding ketika ini hanya 1 orang doktor pakar namun di masa yang sama dipertanggungjawabkan untuk menjaga 3 kawasan Pariimen serentak iaitu Kota Tinggi, Pengerang dan Tenggara; dan
- (b) membekalkan ambulan di setiap kawasan Pariimen terutama kawasan luar bandar yang dilengkapi dengan kakitangan seperti pembantu perubatan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua,

KKM mengambil maklum terhadap permohonan pihak YB Dato' untuk mewujudkan satu (1) hospital di Kawasan Pariimen Pengerang. Daerah Kota Tinggi mempunyai 3 kawasan pariimen iaitu Pariimen Pengerang, Pariimen Tenggara dan Pariimen Kota Tinggi. Pariimen Pengerang mempunyai 6 buah Klinik Kesihatan, Pariimen Kota Tinggi 4 Klinik Kesihatan manakala Pariimen Tenggara pula 2 buah Klinik Kesihatan. Kesemua Klinik Kesihatan ini mempunyai Pembantu Pegawai Perubatan bertugas. Buat masa ini bagi penduduk di kawasan Pengerang, terdapat sebuah Klinik Kesihatan Pengerang bagi merawat kes pesakit luar dan sebuah hospital daerah iaitu Hospital

Kota Tinggi di mana perkhidmatan di hospital ini diberikan oleh Pegawai Perubatan yang telah dilatih. Juga, pada ketika ini terdapat seorang Pakar Perubatan Keluarga yang bertugas di Klinik Kesihatan Bandar Mas, dan masih terdapat tiga lagi perjawatan Pakar Perubatan Keluarga yang masih belum diisi iaitu dua di Klinik Kesihatan Bandar Mas dan satu di Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Kota Tinggi.

Selain dari itu, dengan siapnya Lebuhraya Senai-Desaru ia akan memudahkan lagi penduduk-penduduk di kawasan Parlimen Kota Tinggi, Pengerang dan Tenggara untuk mendapatkan Perkhidmatan Kepakaran di Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru.

Di samping itu perkhidmatan kepakaran pula disediakan secara berkala oleh pakar- pakar dari Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru (HSAJB) dan Hospital Sultan Ismail, Johor

Bahru (HSIJB) melalui kaedah lawatan Pakar (Visiting Specialist) ke Hospital Kota Tinggi. Manakala sebarang kes yang bermasalah dan rumit akan dirujuk ke HSAJB atau HSIJB. Kementerian Kesihatan Malaysia juga telah merancang untuk menaiktaraf Hospital Kota Tinggi dari Hospital Tanpa Pakar kepada Hospital Berpakar Minor yang mempunyai sekurang-kurangnya sembilan Perkhidmatan Kepakaran dalam tempoh RMKe-10.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Secara amnya, setiap kawasan parlimen terutama di luar bandar yang ada klinik kesihatan dibekalkan dengan sekurang-kurangnya satu unit ambulan dan ditambah dari masa ke semasa mengikut keperluan perkhidmatan. Setiap panggilan kecemasan akan dikoordinasikan oleh sebuah 'call centre' di Hospital Kota Tinggi. 'Call Center' akan berfungsi mengarahkan ambulan yang terhampir dengan lokasi pesakit untuk memberi respon kecemasan yang diperlukan. Klinik Kesihatan yang dibina di kawasan Parlimen Pengerang, Kota Tinggi dan Tenggara turut dilengkapi dengan ambulan. Bagi tahun 2011, dijangka sebanyak 65 buah unit ambulans baru akan dibekalkan ke klinik kesihatan di seluruh negara. Pada masa ini terdapat sebanyak 834 unit ambulans di seluruh klinik kesihatan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.  
DATO<sup>5</sup> SRI LIOWTIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA TUAN GOBIND SINGH DEO  
[PUCHONG]  
TARIKH 6 APRIL 2011  
SOALAN**

**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menaik taraf klinik kesihatan di batu 14 Puchong dan apakah skop rawatan dan kemudahan sedia ada, jumlah dan jenis doktor serta jururawat yang kini di situ.**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia sememangnya mempunyai rancangan untuk menaiktaraf Klinik Kesihatan di Batu 14 Puchong dan akan mengemukakan permohonan untuk membina Klinik Kesihatan Jenis 3 di tapak sedia ada di dalam Rancangan Malaysia Ke-10, *Second Rolling Plan* kepada Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Sekiranya diluluskan, pembinaan klinik tersebut akan menggunakan plan piawaian Klinik Kesihatan Jenis 3 dan dijangka akan dapat dimulakan pembinaan dalam tahun 2012.

Skop rawatan yang diberikan adalah komprehensif meliputi aspek *wellness, illness, support* dan *health informatic* dan ini termasuklah Perkhidmatan Pesakit Luar, Perkhidmatan Ibu dan Anak, Perkhidmatan Pasukan Sekolah, Klinik berhenti Merokok; Klinik Remaja; Klinik Warga Emas; dan Klinik Kesihatan Mental. Perkhidmatan bagi penyakit kronik juga disediakan seperti Penyakit Darah Tinggi, Diabetis serta Klinik Asma. Kemudahan lain yang terdapat di klinik kesihatan ini termasuklah ujian makmal. Terdapat juga khidmat nasihat pemakanan dan dietetik oleh Pegawai Zat Makanan dan Pegawai Dietetik serta khidmat rehabilitasi oleh Pegawai Fisioterapi dan Pegawai Terapi Pekerjaan yang diberikan setiap 2 minggu sekali di klinik kesihatan ini.

Pegawai Perubatan yang ditempatkan di klinik kesihatan ini adalah seramai 7 orang yang terdiri dari 6 orang Pegawai Perubatan dan seorang Pakar Perubatan Keluarga dengan beban kerja melebihi 800 orang pesakit sehari. Jururawat Terlatih adalah seramai 12 orang dan 15 anggota Jururawat Masyarakat juga ditempatkan di klinik kesihatan ini.





untuk menyusun semula pinjaman jika layak, sebelum langkah-langkah pengambilalihan dan jualan harta gadaian (*foreclosure*) dilakukan. Proses ini mengambil masa selama 2 hingga 3 bulan yang merupakan suatu tempoh yang memadai bagi peminjam untuk menyelesaikan bayaran ansuran pinjaman perumahan. Selain itu, peminjam juga boleh memohon khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk menyusun semula pinjaman perumahannya.

3. Mengikut *Concept Paper on Conduct of Business and Retail Financing* yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, institusi kewangan boleh memulakan tindakan mahkamah untuk mengambil alih (*foreclose*) harta rumah peminjam setelah langkah-langkah pemulihan yang lain tidak berkesan. Institusi kewangan perlu memberi peluang dan masa yang secukupnya kepada peminjam untuk menjual harta rumah yang telah digadai melalui jualan persendirian (*private sale*), iaitu bukan melalui lelongan awam, sekiranya jualan tersebut boleh dilakukan dengan lebih efisien dan membantu mengurangkan beban hutang peminjam.

4. Pihak bank akan memulakan proses *foreclosure* setelah alternatif tersebut tidak berhasil. Namun demikian, mekanisme *foreclosure* pada masa ini perlu dipertingkatkan supaya lebih efisien bagi memelihara kepentingan peminjam. Antara lain, *sistem foreclosure* yang lebih moden dan dinamik boleh mengurangkan kos yang perlu ditanggung oleh peminjam ekoran tunggakan faedah dan kos sampingan lain, umpamanya fi guaman dan kos penyelenggaraan. Sistem tersebut perlu disokong oleh rangka kerja perlindungan pengguna yang lebih komprehensif dan berkesan.

No. SOALAN:

PEMBERITAHUAN PE RSI DAN GAN DEWAN  
RAKYAT

**PERTANAYAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ]**

**TARIKH**

**6 April 2011 (Rabu)**

**SOALAN**

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ]**

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) rekod prestasi pencapaian KPI setiap Menteri mengikut garis panduan yang telah ditetapkan; dan
- (b) apakah langkah yang akan diambil sekiranya ada Menteri yang tidak mencapai KPI yang ditetapkan.

**JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Dr Koh Tsu Koon)**

Dalam konteks pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP), tumpuan diberi terhadap enam (6) Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang diketuai oleh enam ahli Jemaah Menteri yang terlibat secara langsung sebagai Menteri Peneraju atau *Lead Ministers*. Kebanyakan dari 22 orang menteri yang lain juga terlibat sebagai menteri penyokong atau *supporting ministers* untuk menyokong, menjalin kerjasama yang erat supaya mencapai sinergi.

Di samping 6 Menteri Peneraju, setiap dari 22 anggota Jemaah Menteri juga dipertanggungjawabkan terhadap Bidang Keberhasilan Utama Kementerian atau *Ministerial Key Result Areas (M-KRA) masing-masing* dengan adanya **Petunjuk-Petunjuk Prestasi Utama Kementerian** atau *Ministerial Key Performance Indicators (M-KPI)*.

Sebagai permulaan, pada penghujung tahun 2009, sebanyak 77 M-KRA dengan 264 M-KPI telah disasarkan. Namun demikian, selepas pelaksanaan dan perundingan sepanjang tahun 2010, 261 M-KPI telah dikenalpasti untuk diukur sebagai tahap I pada penghujung tahun 2010. Didapati bahawa 247 M-KPI atau 92.3% telah mencapai sasaran-sasaran yang ditetapkan. Kesemuanya 22 kementerian telah "lulus" dengan skor prestasi sekurang-kurangnya 66.7%.



## NO. SOALAN: 35

Walau bagaimanapun, selepas Program Transformasi Ekonomi (ETP) dilaksanakan mulai Oktober 2010, 13 menteri dipertanggungjawab untuk menjadi menteri peneraju tunggal atau menteri peneraju bersama bagi 12 Bidang Keberhasilan Ekonomi Nasional (NKEA) dengan adanya KPI-KPI yang berkenaan. Oleh itu, KPI setiap menteri sedang dijajar semula (re-aligned) supaya mengambilkira apa yang diperlukan di bawah NKEA dengan apa yang dikenalpasti di bawah MKRA-MKRA di bawah GTP pada asalnya. Dengan demikian, pengukuran KPI menteri akan dibuat semula pada penghujung tahun 2011 ini.

Prestasi kesemua M-KRA dan M-KPI di bawah setiap kementerian akan dipantau rapi oleh Menteri sendiri dengan bantuan PEMANDU. PEMANDU akan berusaha memastikan penyelarasan di antara agensi-agensi dapat dipertingkatkan, terutamanya di mana terdapatnya saling kebergantungan (*inter-dependance*) di antara agensi-agensi yang berkenaan. Bagi kementerian yang tidak menepati sasaran KPI yang tertentu, Menteri dan pegawai-pegawai yang berkenaan dikehendaki mengenal pasti punca-punca masalah dan menerokai kaedah-kaedah penyelesaian yang kreatif agar KPI yang berkenaan dapat dicapai pada tahun berikutnya.

Proses penilaian ini bukanlah untuk menghukum seolah-olahnya, sebaliknya bertujuan memfokuskan usaha terhadap memberi panduan dan bantuan sewajarnya, serta mengubahsuai prosedur agar dapat mengatasi sebarang rintangan dan meningkatkan hasil penyampaian. Penilaian prestasi M-KPI bagi setiap ahli Jemaah Menteri dibuat sendiri oleh YAB Perdana Menteri dalam pertemuan empat-mata yang diadakan dua kali setahun, iaitu sekali pada pertengahan tahun dan sekali pada penghujung tahun.

Malaysia sememangnya merupakan satu-satunya negara yang telah mengambil langkah untuk memperkasakan pengurusan prestasi pentadbiran Kerajaan Persekutuan berlandaskan kaedah KPI untuk anggota-anggota Jemaah Menteri dan perkhidmatan awam pada amnya. Ini sesungguhnya mencerminkan komitmen Kerajaan Persekutuan kepada rakyat untuk meningkatkan lagi mutu sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan, selaras dengan cogan kata “Rakyat Didahulukan, Pencapaian DiUtamakan”.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN  
DARIPADA**

**LISAN**

**TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH [**

**LIMBANG ]**

**TARIKH BERSIDANG  
SOALAN**

**6 APRIL 2011**

**Tuan Hasbi bin Habibollah [ Limbang ]** minta **MENTERI KESIHATAN**

menyatakan bilakah Kerajaan akan melaksanakan janji-janji untuk membina klinik-klinik Desa di Medamit, Kampung Telahak dan Long Napir yang telah diluluskan dan membina Klinik Pakar Asas dan menambah pakar yang tetap di Hospital Limbang.

**Tuan Yang Dipertua,**

Ketiga-tiga klinik kesihatan di kawasan Limbang iaitu Klinik Kesihatan Medamit, Telahak dan Long Napir telah dimasukkan ke dalam senarai cadangan projek *Second Rolling Plan* Rancangan Malaysia Ke-10.

Sementara menunggu projek ini dilaksanakan, perkhidmatan kesihatan untuk ketiga-tiga kawasan ini tidak diabaikan. Bagi kawasan yang masih tidak mempunyai kemudahan klinik kesihatan, perkhidmatan disediakan dengan lawatan perkhidmatan kesihatan bergerak secara berkala (bulanan) oleh Pejabat Kesihatan Bahagian dan klinik berhampiran.

Cadangan pembinaan Klinik Pakar di Hospital Limbang juga akan dilaksanakan di dalam *Second Rolling Plan* Rancangan Malaysia Ke-10. Sementara itu, seorang Pakar O&G (Pakar Sakit Puan) telahpun ditempatkan di Hospital Limbang semenjak 10 Januari 2011.

**Tuan Yang di-Pertua,**

## **NO. SOALAN: 35**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amat prihatin dengan penyediaan perkhidmatan kepakaran bagi memastikan kesamarataan (ekuiti) dan aksesibiliti rakyat kepada perkhidmatan perubatan kepakaran. Dalam hal ini penduduk-penduduk di Bahagian Limbang juga tidak terkecuali, di mana pada masa ini KKM telah menempatkan seorang Pakar Obstetrik & Ginekologi di Hospital Limbang bagi memberikan perkhidmatan kepada masyarakat di Bahagian Limbang. Perkhidmatan kepakaran dalam lain-lain bidang diperolehi melalui lawatan Pegawai Perubatan Pakar secara berkala daripada Hospital Miri yang meliputi perkhidmatan Perubatan Am, Bedah Am, Pediatrik, Bedah Ortopedik, Psikiatri; Telinga, Hidung dan Tekak; dan Oftalmologi.

KKM akan terus berusaha untuk menempatkan pakar-pakar residen daripada disiplin-disiplin lain tertakluk kepada bilangan pakar yang mencukupi, dan dilaksanakan melalui pendekatan berikut:

- i. Pengambilan Pakar warganegara asing secara kontrak.
- ii. Pelantikan semula Pakar KKM yang telah bersara wajib secara kontrak.
- iii. Penambahan bilangan Pakar yang akan dihasilkan sejajar dengan peningkatan slot tajaan kerajaan bagi mengikuti program sarjana kepakaran dari 450 kepada 600 mulai sesi 2008/2009.
- iv. Pengambilan doktor pakar swasta berkhidmat secara sessional
- v. Menggalakkan pakar warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air.

## **SOALAN NO: 36**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN:** LISAN

**DARIPADA:** Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 6 APRIL 2011

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan tindakan terhadap majikan di negara ini yang tidak membenarkan cuti berbayar 16 September diberi kepada pekerja-pekerja di negara ini.

PR-000-L42355

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia sedang mengkaji Akta Kerja 1955 untuk menjadikan Hari Malaysia 16 September sebagai salah satu daripada sebelas hari Kelepasan Am yang diwartakan. Sehingga kini, selagi Akta Kerja 1955 belum dipinda, maka 16 September akan dikira sebagai satu hari kelepasan am yang wajib diberikan mengikut seksyen 60 D (1) (b) iaitu mana-mana hari yang diisytiharkan sebagai Hari Kelepasan di bawah seksyen 8 Akta Hari Kelepasan 1951.
2. Sekiranya terdapat majikan yang enggan mematuhi Seksyen 60 D(1)(b) tersebut, Jabatan Tenaga Kerja akan mengambil tindakan kompaun atau pendakwaan ke atas majikan tersebut. Bagi pekerja-pekerja yang dilindungi di bawah akta dan tidak diberikan cuti pada hari tersebut ataupun tidak dibayar sekiranya bekerja, boleh membuat tuntutan mengikut Seksyen 69 Akta Kerja 1955 melalui Mahkamah Buruh di Pejabat Tenaga Kerja yang terdekat.
3. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, telah 2 kali Hari Malaysia 16 September diraikan dan Jabatan Tenaga Kerja tidak menerima apa-apa aduan berkaitan keengganan majikan untuk memberikan cuti pada hari tersebut ataupun membayar sekiranya bekerja.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

Lisan

DARIPADA

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]

TARIKH

6 April 2011

SOALAN

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta MENTERI PERTANIAN

DAN INDUSTRI ASAS TANI

menyatakan apakah Kejayaan yang telah dicapai oleh pihak Kementerian melalui Dasar Makanan Negara.

JAWAPAN

Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah melaksanakan Dasar Jaminan Bekalan Makanan (DJBM) 2008-2010 akibat daripada kenaikan harga minyak serta krisis bekalan makanan yang berlaku pada awal tahun 2008. Terdapat 8 program utama telah dilaksanakan meliputi peningkatan hasil pengeluaran padi, penambahan stok penimbal beras, peningkatan pengeluaran produktiviti melalui Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA) dan ternakan lembu dan kambing, pemberian insentif pengeluaran, pengukuhan pemasaran, program Bumi Hijau, pengurusan tanah terbiar dan elaun sara hidup bagi nelayan.

Berdasarkan kajian impak pelaksanaan, Program DJBM didapati telah merangsang peningkatan pengeluaran makanan di mana jumlah pengeluaran sektor agro makanan telah meningkat kepada 8.9 juta metrik tan pada tahun 2010 berbanding sebanyak 8.1 juta metrik tan pada tahun 2008 iaitu kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 6.1%.

Walaupun Kerajaan telah berjaya memastikan penduduk memperoleh bekalan makanan yang mencukupi semasa krisis makanan global pada tahun 2008 melalui pelaksanaan Dasar Jaminan Bekalan Makanan, Kerajaan masih berhati-hati dengan isu jaminan bekalan makanan (food security) berdasarkan persekitaran baru di peringkat dunia yang diramal akan menjejaskan pengeluaran makanan dan biodiversiti global iaitu:

- i. peningkatan harga makanan dunia;
- ii. peningkatan harga input pertanian;
- iii. pertambahan penduduk dunia;
- iv. perubahan kepelbagaian diet yang ketara;
- v. peningkatan penggunaan komoditi makanan untuk bioteknologi; dan
- vi. perubahan iklim dunia yang mengakibatkan bencana alam seperti banjir dan kemarau.

Dengan mengambil kira senario peringkat global seperti yang telah disebutkan tadi serta Model Baru Ekonomi dan Pelan Transformasi Ekonomi yang diperkenalkan oleh Kerajaan, beberapa strategi telah dirangka di dalam Dasar Agromakan bagi tempoh 2011-2020 untuk menjamin bekalan makanan dalam negara iaitu:

- (i) Meneruskan pelaksanaan Projek Berimpak Besar iaitu Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Pusat Fidlot Nasional, Ladang kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani serta projek-projek di bawah NKEA Pertanian bagi meningkatkan pengeluaran sektor tanaman, ternakan dan perikanan;
- (ii) Membangunkan tanah pertanian akan secara optimum dengan tanaman selingan singkat masa seperti pisang, nanas dan tembikai di kawasan

tanaman semula kelapa sawit dan integrasi kelapa sawit dengan ternakan;

- (iii) Membangunkan sistem rantai bekalan makanan yang lebih terangkum dan kukuh dengan penglibatan Kerajaan, swasta serta petani, penternak dan nelayan bagi menghubungkan pengeluaran dengan permintaan pasaran;
- (iv) Menumpukan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) kepada pengeluaran makanan secara mampan termasuklah pembangunan varieti dan baka, pengeluaran benih, pengeluaran makanan ternakan dan akuakultur, bioteknologi seperti teknologi *-omics* dan *bioproses*, mekanisasi dan automasi, sistem pengeluaran di bawah *modified environment*, kaji penyakit, piawaian dan gred serta pemuliharaan sumber dan teknologi hijau;
- (v) Meningkatkan penglibatan pihak swasta akan menerusi galakan pelaburan untuk menambah kapasiti pengeluaran dan sistem pengeluaran berteknologi tinggi. Pihak swasta juga digalakkan untuk menubuhkan konsortium atau syarikat peneraju bagi mengendalikan pengeluaran dan pemasaran untuk kumpulan sasaran melalui ladang kontrak dan pakatan strategik; dan
- (vi) Membenarkan pelabur swasta untuk membuat pelaburan di luar negara secara timbal balik (*reverse investment*) bagi pengeluaran komoditi utama makanan yang dikenal pasti. Pelaburan timbal balik ini akan membantu meningkatkan sekuriti bekalan makanan dalam negara khususnya dalam menghadapi situasi krisis makanan yang mana hasil keluaran pertanian dibawa balik secara langsung atau sebagai produk akhir untuk kegunaan tempatan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Dasar Agromakanan ini sedang diselaraskan dengan Dasar Komoditi Industri oleh Unit Perancang Ekonomi sebagai Dasar Pertanian Negara Ke-4.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN  
DARIPADA

LISAN  
TUAN AZAN BIN ISMAIL [  
INDERA MAHKOTA ]

TARIKH

06.04.2011 (RABU)

TUAN AZAN BIN ISMAIL [ INDERA MAHKOTA ] minta MENTERI  
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN

menyatakan bagaimanakah kedudukan terkini harga barangan keperluan asas rakyat dan apakah kesan yang dibawa oleh kenaikan serta penilaian dwitahunan harga minyak kepada tanggungan hidup rakyat.

JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Kedudukan terkini harga barangan keperluan asas rakyat iaitu Gula Bertapis Kasar, Minyak Masak Paket dan Tepung Gandum (GP) adalah mengikut harga kawalan yang telah ditetapkan oleh dan kedudukan harga semasa ini kekal sejak tahun 2010. Walaubagaimanapun harga bagi Gula Putih Bertapis Kasar (1kg) telah mengalami kenaikan pada 4 Disember 2010 iaitu RM 2.10 di Semenanjung manakala harga di Sabah dan Sarawak telah digazetkan mengikut kawasan iaitu antara RM 2.20 hingga RM2.40.



Melalui dialog yang diadakan bersama pengusaha makanan, mereka mengakui kenaikan harga barang keperluan dan harga minyak tidak memberi impak yang ketara, namun mereka tidak mampu menanggung peningkatan kos seperti pengangkutan, sewa utiliti, buruh, kadar levi pekerja asing dan sewa premis.

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN                      JAWAB LISAN

DARIPADA                        YB PUAN HAJAH NANCY BINTI

HAJI SHUKRI (BATANG SADONG)

TARIKH                            6 APRIL 2011 (RABU)

#### SOALAN

YB Hajah Nancy Binti Haji Shukri (Batang Sadong) minta MENTERI PEMBANGUNAN WAN IT A, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk melibatkan pembelajaran melalui Internet untuk masyarakat yang tidak dapat melihat boleh juga menikmati arus teknologi moden dan berinteraksi melalui Internet.

#### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

## SOALAN NO

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa berusaha untuk memenuhi keperluan kumpulan sasarnya termasuk keperluan golongan orang kurang upaya (OKU) penglihatan untuk dilibatkan dalam pembelajaran melalui Internet.

Pada masa ini, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) tidak melaksanakan secara khusus program pembelajaran melalui Internet bagi golongan OKU penglihatan. Walau bagaimanapun, program-program latihan berkenaan ada disediakan oleh Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) yang berdaftar dan menerima geran tahunan daripada JKJ. Geran tahunan ini disediakan bagi membantu PSK berkenaan mentadbir, mengurus dan melaksanakan program-program pemberdayaan OKU penglihatan termasuklah latihan berasaskan ICT. Dalam hal ini, Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia (*Malaysian Association for the Blind*) telah melaksanakan sebanyak 60 sesi latihan berasaskan ICT sepanjang tahun 2010 kepada 300 orang peserta dari golongan OKU penglihatan.

**Y.B.  
DATO'  
HAJI**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
WAN ABD RAHIM BIN WAN ABDULLAH**

**PERTANYAAN : LISAN KOTA BHARU  
DARIPADA 6 APRIL 2011 (RABU)**

**KAWASAN SOALAN:**

**TARIKH**

**Y.B. DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN WAN ABDULLAH  
(KOTA BHARU) minta MENTERI KERJA RAYA**  
menyatakan bilakah laluan baru jalan raya Kota Bharu ke Kuala Krai akan  
dimulakan.

## JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Projek Menaik Taraf Jalan Persekutuan *Central Spine* melibatkan Jalan Persekutuan Utama dari Negeri Sembilan, Pahang dan Kelantan akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dalam setiap Rancangan Pembangunan

5 Tahun Kerajaan, iaitu bermula dari RMKe-10. Ini kerana kos bagi menaik taraf atau membina jalan baru di sepanjang Jalan *Central Spine* adalah sangat tinggi, iaitu dianggarkan melebihi RM6 bilion secara keseluruhannya sedangkan peruntukan Kerajaan pula adalah terhad dan perlu diagihkan secara optimum.

Sehubungan itu, Kerajaan telah memutuskan cadangan Projek Membina Jalan Baru dari Kuala Krai ke Kota Bharu, Kelantan - iaitu sebahagian dari laluan Jalan Persekutuan *Central Spine* - ditangguhkan pelaksanaannya dalam Tempoh Separuh Pertama RMKe-10. Ini untuk membolehkan Kerajaan meneliti semula skop dan kos faedah projek sebelum memutuskan perkara dasar berhubung pelaksanaan projek tersebut. Walau bagaimanapun, pakej-pakej lain untuk projek naik taraf Jalan *Central Spine* tidak terganggu dan akan diteruskan pelaksanaannya dalam RMKe-10. Sebagai contoh, projek menaik taraf Jalan Persekutuan FT008 dari Gua Musang ke Kg. Relong, Pahang di bawah program Wilayah Ekonomi Koridor Timur (ECER) telah hampir siap dilaksanakan, iaitu jangka siap pada 14 April 2011.

Sekian. Terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA

TARIKH

SOALAN

JAWAB LISAN

Datuk Tiong Thai King [Lanang]

6 April 2011 (RABU)

Datuk Tiong Thai King [Lanang] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan memandangkan terdapat kawasan tanah lembab luas di sekitar Tanjung Manis, Sarawak yang sangat sesuai untuk kegunaan pertanian. Adakah Kementerian merancang untuk membantu Kerajaan negeri untuk membangunkan kawasan ini.

JAWAPAN

Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Kawasan tanah lembap di Tanjung Manis telah dikenal pasti sebagai tapak Zon Akuakultur Bersepadu Tanjung Manis dengan keluasan lebih kurang 2,000 ekar yang berhampiran dengan ZIA Tanjung Manis. Di peringkat negeri, kawasan telah diisytiharkan sebagai Halal Hub Park.

Projek ini melibatkan kerjasama antara pelabur Sea Party Technology Sdn. Bhd. dan penduduk tempatan dalam melaksanakan aktiviti bersepadu meliputi ternakan, biotech, pemprosesan serta penyelidikan dan pembangunan di Halal Hub Park tersebut. Jabatan Pertanian Sarawak akan menyelaras pelan pembangunan terperinci dan pelaksanaannya dengan syarikat yang berpotensi sebagaimana garis

panduan pelaksanaan EPP-NKEA Pertanian yang telah dipersetujui oleh PEMANDU.

Di bawah pelaksanaan program NKEA, peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan adalah bagi pembangunan kemudahan infrastruktur asas seperti sistem air masuk, sistem pengaliran air ladang, bekalan air domestik, jalan, sub station, kolam rawatan, kolam takungan dan lain-lain.

Di samping itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah meluluskan peruntukan sebanyak RM50.000 di bawah projek Komersialisasi Ternakan serta pemberian 46 ekor lembu dan 55 ekor kambing kepada 7 orang peserta di kawasan tersebut pada tahun 2011 di bawah Program Jualan Ternakan.

Beberapa projek lain yang telah dilaksanakan di kawasan Tanjung Manis ialah:

- i. Pusat Pengeluaran Benih Udang, Belawai;
- ii. Pusat Asuhan Benih Ikan Laut/ Projek Percubaan & Demonstrasi, Selumit;
- iii. Projek Komersialisasi Ternakan dengan peruntukan sebanyak RM50,000; dan
- iv. Program Jualan Ternakan dengan bantuan 46 ekor lembu dan 55 ekor kambing kepada 7 orang pengusaha.

**NO.SOALAN : 42**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA Y.B. TUAN GWO-BURNE LOH  
[ KELANA JAYA ]**

**TARIKH 06 APRIL 2011**

**SOALAN:**

**Y.B. Tuan Gwo-Burne Loh minta PERDANA MENTERI**

**menyatakan kaedah SPR untuk mengelakkan aduan kes seperti pemilih kediaman No.5, Jalan Puncak 8/1 H, Shah Alam yang milik Syaharil M.Nor mendakwa Nuraida binti Mohd Arif KP 710428085436 / A1765059 mendaftar menjadi pemilih berdaftar di alamat rumahnya.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di Pertua.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan menyebut tentang kelayakan sebagai pemilih iaitu seperti yang berikut:**

- (a) seseorang warganegara Malaysia;**
- (b) telah mencapai umur 21 tahun pada tarikh kelayakan;**
- (c) bermastautin / menetap di mana-mana bahagian pilihan raya di Malaysia, jika tidak bermastautin, adalah seorang pengundi tidak hadir.**

**Manakala Peraturan 12, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 menyatakan bahawa seseorang**

**NO.SOALAN : 42**

warganegara yang telah mencapai umur dua puluh satu tahun pada tarikh kelayakan dan berhasrat supaya didaftarkan sebagai pemilih baru atau permohonan tukar alamat pusat mengundi, supaya mengisi Borang A (Borang Pendaftaran Pemilih) yang antara lain menghendaki pemohon mengisi maklumat alamat mastautin seperti di dalam kad pengenalan.

Pemohon hendaklah menghantar sendiri borang permohonan kepada Pendaftar yang berkenaan. Semua permohonan pendaftaran baru dan tukar alamat yang telah diproses akan melalui proses pameran seperti mana yang diperuntukkan oleh Peraturan 13, Peraturan- Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002. Semasa tempoh pameran tersebut mana-mana orang yang namanya ada dalam daftar pemilih induk atau daftar pemilih tambahan bagi kawasan pendaftaran tersebut boleh membantah kemasukan nama pemohon untuk masuk dalam kawasan tersebut atas sebab-sebab tertentu seperti tidak bermastautin dan sebagainya. Sekiranya semasa tempoh pameran tersebut, SPR tidak menerima sebarang bantahan atas kemasukan nama tersebut, maka pemohon adalah pemilih yang sah bagi kawasan pendaftaran tersebut. Oleh itu, sebarang bantahan terhadap kemasukan nama pemilih dalam suatu kawasan pendaftaran hanya boleh dibuat dalam tempoh pameran sahaja. SPR setelah menerima bantahan akan membuat siasatan



**NO.SOALAN : 42**

awam dan akan memanggil orang yg membuat bantahan (pembantah) dan orang yang di bantah (orang kena bantah). SPR akan memutuskan sama ada menerima atau menolak bantahan selepas siasatan dibuat.

**NO.SOALAN : 42**

Jika merujuk kepada dakwaan bahawa Nuraida binti Mohd Arif nombor kad pengenalan 710428085436 mendaftar di alamat No 5, Jalan Puncak 8/1 H, Shah Alam adalah tidak benar kerana berdasarkan kepada pangkalan data SPR beliau mendaftar pada tahun 1999 dengan menggunakan alamat di No 5, Jalan Dabus 11/20, Seksyen 20, Shah Alam dan bukannya di alamat No 5, Jalan Puncak 8/1 H, Shah Alam yang didakwa milik Syaharil M.Nor. Sehubungan dengan itu, SPR menyifatkan dakwaan pemilih mendaftar menggunakan alamat orang lain adalah tidak benar. Kalau Yang Berhormat mempunyai bukti tentang isu yang dibangkitkan sila serahkan kepada saya untuk membolehkan saya memanjangkan ke SPR.

Mana-mana daftar pemilih yang telah diperakui adalah muktamad sebagaimana yang diperuntukkan oleh Seksyen 9A, Akta Pilihan Raya 1958.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO. 43**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA :**                   **DATUK WEE JECK SENG**  
**[TANJONG PIAI]**

**TARIKH**                   **:**     **6 APRIL 2011 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI] minta Perdana Menteri menyatakan:**

- (a) Jumlah isi rumah yang telah berjaya didaftar di bawah eKasih dalam tahun 2010 mengikut kaum; dan**
- (b) Tempoh masa yang diperlukan untuk mendapatkan kelulusan permohonan eKasih.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

**eKasih adalah merupakan Sistem Bank Data Kemiskinan Nasional yang telah diwujudkan oleh Kerajaan untuk mengintegrasikan data dan maklumat isi rumah di bawah paras kemiskinan tanpa mengira kaum dan strata sama ada di bandar mahupun luar bandar. Bilangan dan kedudukan setiap isi rumah di dalam eKasih akan dipantau dan pergerakan mereka akan dilaporkan bagi menentukan kedudukan status dan juga bantuan**

**yang diperlukan melalui *need analysis* yang dilakukan. Jumlah isi rumah yang telah didaftarkan di dalam eKasih mengikut negeri dan kaum bagi keseluruhan kategori kemiskinan (miskin tegar, miskin, mudah miskin dan terkeluar) semenjak 2008 sehingga 31 Disember 2010 adalah seperti berikut:**

Negeri	Kaum/Etnik						JUMLAH v ?s;.s
	Melayu	Gina	Bumiputera India	Bumi Lain*	W.P	Lain- lain	
Johor	11,822	720	703	23	44	2	13,314
Kedah	16,168	140	390	4	0	162	16,864
Kelantan	34,863	173	35	5	63	519	35,658
Melaka	4,391	463	446	8	111	26	5,445
N.Sembilan	5,080	538	998	12	16	11	6,655
Pahang	9,028	267	464	10	60	8	9,837
Perak	16,235	678	2,038	10	6	53	19,020
Perlis	6,645	120	29	1	0	102	6,897
P.Pinang	10,342	697	1,507	13	1	7	12,567
Sabah	1,756	405	34	46,055*	1	2,138	50,389
Sarawak	10,258	1,397	31	37,550**	1	878	50,115
Selangor	9,214	335	1,444	23	59	60	11,135
Terengganu	37,426	92	18	9	0	7	37,552
W.Persekutuan**	2,935	285	1,236	332	1	24	4,813
<b>Jumlah</b>			9,373	ta?i§	363	<i>mm</i>	280,261

JADUAL 1 : Jumlah Isirumah didaftarkan di dalam eKasih sehingga 31 Disember 2010

\*Bumiputera Sabah (termasuk Kadazan, Bajau, Murut dan sebagainya) dan Bumiputera Sarawak (termasuk Bidayuh, Melanau, Dayak, Iban dan sebagainya)

\*\* Termasuk WP Labuan

Kerajaan menyediakan mekanisme Pendaftaran Senarai Terbuka di dalam Sistem eKasih sebagai kaedah untuk pendaftaran individu atau isi rumah yang dirasakan masih tercicir dari eKasih dan ianya tiada tarikh tutup dan adalah berterusan. Ini adalah kerana fenomena kemiskinan adalah dinamik. Setiap isi rumah yang dilaporkan sebagai isi rumah miskin perlu melalui proses verifikasi (banci di lapangan) sebelum profilnya dimasukkan ke dalam eKasih. Semenjak Januari 2009 sehingga 15 Mac 2011, sejumlah 305,325 kes terkumpul dari pendaftaran terbuka telah direkodkan dan 41% telah dimasukkan dalam eKasih dan layak untuk diberi pertimbangan untuk penyertaan dalam projek dan penyaluran bantuan pembasmian kemiskinan. Di samping itu, terdapat 27% tidak layak dibanci selepas penyisihan dilakukan kerana pertindihan dan melepasi *threshold* kemiskinan iaitu pendapatan isi

rumah RM1500 sebulan untuk bandar dan RM1000 sebulan untuk di luar bandar.

Dari segi kawalan pemantauan, norma kerja untuk selesaikan verifikasi bagi setiap kes telah ditetapkan iaitu 14 hari bagi Semenanjung Malaysia dan 28 hari untuk Sabah dan Sarawak. Tempoh masa yang diperlukan adalah berbeza di antara satu kes ke satu kes yang lain berdasarkan kepada kedudukan dan capaian kepada kes-kes tersebut. Dalam masa yang sama, jika proses verifikasi dapat dilakukan secara serentak bagi sesuatu kawasan berdasarkan kepada bilangan kes yang didaftarkan maka tempoh masa yang akan diambil bagi menyelesaikan verifikasi bagi setiap kes mungkin akan berkurangan. Kerajaan melalui *Focus Group* peringkat negeri dan daerah sentiasa memastikan tindakan verifikasi data-data permohonan ini dijalankan setiap masa dan pemantauan operasi verifikasi dibuat ke atas pembanci sambilan melalui laporan log tindakan operasi verifikasi pembanci.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAANDEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**TUAN WEE CHOO**

**KEONG**

**[WANGSA MAJU]**

**TARIKH**

**6 APRIL 2011**

**SOALAN**

Tuan Wee Choo Keong [ Wangsa Maju ] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan memandangkan bahawa Astro adalah anak syarikat kepada sebuah syarikat asing dan telah mengaut untung bersih sebanyak RM689 juta bagi tahun 2010 daripada 2.911 juta langganan (yang merangkumi langganan 1.7 juta dari kaum Melayu, 670,000 dari kaum Cina, 319,000 dari kaum India dan 222,000 dari kaum lain-lain),

a) adakah Kementerian bercadang untuk mengawal dan mengurangkan yuran bulanan yang terlalu tinggi dari Astro dan

(b) adakah Kementerian bercadang untuk meluluskan peraturan baru untuk menyekat monopoli ke atas program-program popular seperti National Geographic, ESPN, Discovery, BBC, CNN dan lain-lain oleh ASTRO supaya program-program tersebut boleh dibuka untuk saluran TV prabayar lain serta menggalakkan persaingan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia (SKMM) memandang berat isu yang dibangkitkan dan sentiasa memantau dan mengawalselia serta membuat kajian tahap persaingan di sektor penyiaran serta memastikan bahawa kadar yuran langganan bagi perkhidmatan yang disediakan berdasarkan kos penyediaan perkhidmatan.

Pada masa ini caj langganan minima perkhidmatan Astro berada di tahap kompetitif berbanding negara-negara serantau iaitu RM37.95 bagi pakej asas merangkumi 33 saluran pelbagai bahasa dan genre. Pakej asas ini pada asalnya ditawarkan dengan harga RM49.95 pada tahun 2004 dengan bilangan saluran yang kurang daripada pakej sekarang. Pihak Astro juga bercadang untuk memastikan sebarang saluran- saluran baru yang bakal dilancarkan tidak akan meningkatkan harga bagi langganan pakej asas ini iaitu RM37.95.

Mengenai monopoli kandungan saluran-saluran popular oleh Astro, pihak SKMM telah membuat tinjauan mengenai isu ini, selain telah mengadakan perbincangan dengan para penyiar dan pengedar atau penjual kandungan (*content rights holder*) dari luar Negara seperti HBO, Disney dan Discovery.

SKMM mendapati pemerolehan kandungan dan hak penyiaran adalah amat kompetitif dan bagi kandungan premium dari luar Negara ianya adalah mengikut syarat serta terma yang ditetapkan oleh pemilik

#### SOALAN NO: 44

kandungan tersebut dan juga harga yang ditawarkan oleh stesen penyiaran. Pihak penyiar bebas untuk berunding dengan pihak terbabit untuk mendapatkan hak penyiaran dan ianya tidak dimonopoli oleh mana-mana pihak termasuklah Astro.

Menurut tinjauan SKMM, walaupun Astro ada meminta beberapa penjual kandungan untuk melakukan, *customization* terhadap saluran- saluran tertentu, pihak penyiar lain masih boleh membeli saluran-saluran lain dan juga kandungan yang turut dibekalkan oleh penjual kandungan terbabit. Dalam hal ini, pihak SKMM akan terus memantau industri ini dan tidak akan teragak-agak untuk bertindak sekiranya terdapat amalan- amalan anti-persaingan.



## SOALAN NO: 45

### PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

PERTANYAAN

RAKYAT

DARIPADA

JAWAB LISAN

TARIKH

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]

SOALAN

6 APRIL 2011 (RABU)

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

menyatakan :

- a) Adakah penyelidikan dijalankan kemungkinan ikan laut dalam negara ini berpindah ke sungai untuk membiak. Sekiranya ada, apakah spesies tersebut; dan
- b) Kalau tiada penyelidikan, mengapa ianya tidak dijalankan.

JAWAPAN

Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah menjalankan penyelidikan mengenai kemungkinan perpindahan ikan laut ke sungai untuk membiak di muara sungai - sungai terpilih di seluruh negara. Walau bagaimanapun, sehingga kini masih belum ada spesies ikan yang benar-benar bersifat *Anadromous* iaitu ikan yang tinggal di laut dan bertelur atau membiak di air tawar seperti ikan salmon. Kebanyakan spesies ikan di perairan pantai memang bergerak ke muara sungai antara 20 hingga 30 kilometer tetapi masih dianggap dalam perairan air payau. Antara spesies komersial yang bergerak di antara perairan laut dan air payau termasuk ikan terubok (*shad*), buntal kuning (*yellow pufferfish*), ikan panjang (*sciaenidae*), gemian (*polynemidae*, *threadfin*), puput besar (*ilisha sp*) dan perencong (*harpon spadefish*).

**NO. SOALAN: 46**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN  
DARIPADA

: LISAN

DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI  
[KUALA

KRAI ]

TARIKH BERSIDANG  
SOALAN

6 APRIL 2011

Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [ Kuala Krai ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan

- (a) jumlah peruntukan yang telah diluluskan bagi RMK10 untuk pembinaan hospital baru Kuala Krai; dan
- (b) bilakah projek ini akan bermula.

Tuan Yang Dipertua,

Peruntukan yang telah diluluskan bagi membina Hospital Kuala Krai adalah RM300 juta. Antara komponen bagi hospital baru Kuala Krai terdiri daripada ruang menunggu/rawatan bagi pesakit luar, kecemasan, pakar perubatan, hemodialisis, obstetrik dan ginekologi (O&G), ortopedik (tulang), pediatrik (kanak-kanak), makmal patologi dan ICU. Hospital Kuala Krai ini akan mempunyai 268 buah katil pesakit.

Fasa perancangan projek ini telah pun dimulakan. Sesi makmal Pengurusan Nilai telah selesai diadakan pada 19 Januari 2011 dan sedang menunggu kelulusan daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE). Proses perancangan termasuk kerja-kerja ukur tanah, penyiasatan tapak serta rekabentuk akan dimulakan selepas itu. Kementerian menjangka projek ini akan dapat dimulakan pada suku tahun kedua 2012.

SOALAN NO.: **47**  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

LISAN

PERTANYAAN Y.B. DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI

DARIPADA KAPIT

KAWASAN 6 APRIL 2011 (RABU)

TARIKH  
SOALAN:

Y.B. DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI (KAPIT) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan apakah perancangan dan tindakan untuk menaik taraf jalan raya Pan Borneo yang bermula dari pekan Lundu, Sarawak terus ke Negeri Sabah ke taraf sekurang- kurangnya *dual carriageway highway*.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Kerajaan Persekutuan sememangnya sedar dan mengambil maklum mengenai kepentingan bagi menaik taraf Jalan Persekutuan Pan Borneo di Malaysia Timur, iaitu melibatkan jarak jalan keseluruhan sepanjang 1,081 kilometer di Negeri Sarawak dan 691 kilometer di Negeri Sabah. Cadangan untuk menaik taraf sistem rangkaian jalan raya yang selesa ini akan dapat membantu Kerajaan untuk mempertingkatkan usaha pembangunan koridor dan pertumbuhan ekonomi di sepanjang jajaran Jalan Persekutuan Pan Borneo berkenaan.

Walaupun begitu, perancangan bagi membina jaringan jalan dan lebuhraya di seluruh negara, termasuk di Negeri Sarawak dibuat berpandukan kepada Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Lebuhraya atau *Highway Network Development Plan* (HNDP). Laporan HNDP bagi Malaysia Timur, 2010 bagi Negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan telah menggariskan cadangan untuk menaik taraf Jalan Persekutuan Pan Borneo kepada standard piawai JKR R5, 4 lorong 2 hala. Ia akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dalam setiap Rancangan 5 Tahun Kerajaan, bermula dari RMKe-10 dan tertakluk kepada peruntukan Kerajaan. Antara jajaran Jalan Persekutuan Pan Borneo di Negeri Sarawak yang menjadi keutamaan Kementerian ini untuk dinaikkan dalam Tempoh Separuh

Kedua RMKe-10 ialah dari Serian ke Seri Aman sepanjang 130 kilometer.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Kerja Raya sentiasa menjalankan Program Audit Keselamatan bagi memastikan Jalan Persekutuan di seluruh negara, termasuk Jalan Pan Borneo di Negeri Sarawak sentiasa berada dalam keadaan yang selamat. Sehubungan itu, pada tahun 2010 sahaja, iaitu sehingga 31 Mac 2011, Kementerian Kerja Raya telah meluluskan peruntukan sebanyak RM9 juta bagi tujuan menyelenggara dan menaik taraf laian tertentu di Jalan Persekutuan Pan Borneo. Di samping itu, Kementerian Kerja Raya juga telah meluluskan peruntukan sebanyak RM5 juta untuk menyelenggara dan menaik taraf Jalan-Jalan Persekutuan lain di Negeri Sarawak, seperti Jalan Bintulu-Bakun.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Persekutuan juga turut meluluskan peruntukan di bawah kementerian dan agensi-agensi lain bagi maksud meningkatkan aksesibiliti jalan-jalan perhubungan, khususnya di kawasan luar bandar di Negeri Sarawak. Ini termasuk projek-projek jalan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri di bawah Program Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) serta Kementerian Pertahanan di bawah Program Jiwa Murni. Di dalam masa yang sama, Negeri Sarawak juga turut menerima Peruntukan

Khas di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk program pembangunan koridor pembangunan Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE).

Sekian. Terima kasih.

**SOALAN NO. 48**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK**  
**[SIK]**  
**TARIKH 6 APRIL 2011 (RABU)**

**SOALAN :**

**TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK] minta PERDANA MENTERI menyatakan projek RMKe-9 yang belum dilaksanakan di dalam kawasan Parlimen Sik dan berapakah jumlah Projek RMKe-10 yang akan dilaksanakan di kawasan Parlimen Sik.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

**Di bawah RMKe-9 sebanyak 76 projek dengan siling peruntukan RM4.71b telah pun dilaksanakan. Tiada projek RMke-9 yang masih belum dilaksanakan di Parlimen Sik. Di dalam RMKe-10 pula sebanyak 7 projek baru dengan siling peruntukan RM40.1 juta telah diperuntukan Kerajaan Persekutuan untuk pembangunan di Parlimen Sik.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIANG TECK MENG

(SIMPANG RENGAM)

TARIKH 6 APRIL 2011 (RABU)

SOALAN

YB Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan adakah Kementerian mengambil perhatian serius tentang masalah pembukaan kasino di Singapura yang telah menimbulkan masalah keluarga di kawasan selatan negeri Johor dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah yang timbul.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sememangnya memandang serius tentang pembukaan kasino di Singapura yang telah meningkatkan masalah kekeluargaan dan gejala sosial di selatan negeri Johor.

Setakat ini, Kementerian tidak dapat mengenai pasti jumlah rakyat Malaysia khususnya yang tinggal di selatan Johor yang terlibat di dalam aktiviti perjudian di Singapura. Namun, Kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah melaksanakan program SMARTbelanja@LPPKN mulai tahun 2008 dengan kerjasama Agensi Kauriseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) di setiap negeri termasuklah di negeri Johor. Program pengurusan kewangan keluarga ini melibatkan penyertaan ibu bapa dan anak melalui ceramah dan siri latihan dalam kumpulan. Sehingga tahun 2010, sebanyak 44



program telah dijalankan dengan melibatkan 2,330 peserta.

Bagi Negeri Johor, sebanyak 5 program telah dilaksanakan pada tahun 2010, dengan kerjasama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan Badan Bukan Kerajaan MyKASIH melibatkan 315 peserta.



**NO SOALAN : 50**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>YB TUAN TAN TEE BENG (NIBONG TEBAL)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>06.04.2011 (RABU)</b>

**SOALAN:**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan maklumat setakat manakah rancangan satu batalion Askar Wataniah untuk setiap kawasan Pariimen telah dilaksanakan, atas doktrin ketenteraan ataupun pertahanan awam apakah rancangan satu batalion Askar Wataniah untuk setiap kawasan pariimen itu dibuat dan sama ada terdapat rancangan untuk anggota Askar Wataniah di setiap kawasan pariimen diberi kemudahan undi pos. **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Program penubuhan satu Kompeni Askar Wataniah bagi setiap Kawasan Pariimen bermula sejak tahun 2000. Daripada jumlah keseluruhan 222 buah kawasan Pariimen, sebanyak 172 kawasan Pariimen telah menubuhkan Kompeni Askar Wataniah, manakala baki 50 kawasan lagi akan disempurnakan pada tahun 2011. Kekuatan anggota bagi setiap Pariimen adalah bertaraf kompeni dan bukannya batalion iaitu seramai 100 orang bagi setiap kawasan.

Program penubuhan ini adalah selaras dengan rancangan pembangunan Askar Wataniah untuk mencapai sasaran ditetapkan iaitu

pada nisbah 2 : 1 berbanding dengan Angkatan Tetap menjelang tahun 2020. Langkah ini juga sejajar dengan peranan Angkatan Sukarela iaitu bersiap sedia dikerah untuk membantu-ganti atau *augmentation* Angkatan Tetap apabila keadaan memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua,

Askar Wataniah merupakan anggota Angkatan Sukarela atau *volunteers* yang ditubuhkan di bawah kuasa Seksyen 195, Akta Angkatan Tentera 1972. Mereka hanyalah sukarelawan (di kalangan rakyat jelata) dan tidak mempunyai kelayakan untuk memilih secara undi pos.

**37**

**SJ.B/(91)**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI**

**(LEDANG )**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH 06.04.2011**

**Ir. Haji Hamim Bin Samuri ( Ledang ) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan bila Kerajaan boleh membantu rakyat untuk mengatasi masalah kenaikan Insurans Kenderaan Bermotor khususnya motosikal kerana bayaran premium yang sangat mahal, iaitu RM200 setahun.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sedar akan kesukaran yang dihadapi oleh orang ramai dalam memperolehi perlindungan motor, lebih-lebih lagi perlindungan Pihak Ketiga.**

**2. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada orang ramai melalui sesi konsultasi yang dijalankan semenjak tahun 2010, Kerajaan bersetuju terhadap pelaksanaan rangka kerja perlindungan motor baru pada awal tahun 2011 untuk menangani isu kadar premium yang tinggi**

dan kesukaran orang ramai untuk mendapatkan perlindungan insurans motor.

3. Rangka kerja berkenaan menekankan peningkatan kecekapan dalam sistem penyelesaian tuntutan melalui pelaksanaan beberapa penambahbaikan yang dikenalpasti dan juga pelarasan premium supaya industri insurans dapat berdaya tahan. Menjelang pertengahan April 2011, inisiatif-inisiatif berikut akan dilaksanakan:

- a. Pemeriksaan wajib '*roadworthiness*' tahunan oleh Puspakom bagi kenderaan persendirian tersisih di dalam Malaysian Motor Insurance Pool (MMIP) akan dihapuskan;
- b. Semua penanggung insurans am yang menawarkan perlindungan motor akan menjadi wakil MMIP untuk menambah akses;
- c. Kenderaan tersisih dalam MMIP khususnya pemilik kereta dan motosikal persendirian akan menikmati premium yang lebih rendah (premium pasaran);
- d. Suatu arahan akan dikeluarkan supaya penanggung insurans tidak menolak sebarang permohonan perlindungan motor dan tidak memaksa menjual perlindungan tidak diingini; dan
- e. Jawatankuasa Kerja Bersama berbilang agensi yang ditubuhkan di bawah rangka kerja perlindungan motor baru akan mengadakan mesyuarat pertamanya pada 7 April 2011.

4. Dengan pelaksanaan tindakan-tindakan di atas, kesukaran yang dialami oleh orang ramai pada masa kini akan dapat diselesaikan.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN**

**[PETALING JAYA SELATAN]**

**TARIKH : 6 APRIL 2011**

**SOALAN**

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan :-**

- (a) Berapakah jumlah kerugian yang disebabkan oleh banjir di Johor pada awal bulan Februari tahun ini; dan**
- (b) Bilakah Kerajaan berhasrat mengadakan sistem amaran awal banjir bencana untuk kawasan hitambahan banjir seperti di negeri Kelantan dan Johor seperti mana yang dinyatakan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri baru-**

**JAWAPAN:**  
**Tuan Yang Dipertua,**

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah anggaran kerugian pertanian yang ditanggung akibat banjir di negeri Johor pada awal 2011 ialah RM 36.27 juta.

Manakala bagi kerosakan infrastruktur akibat banjir tersebut, kerugian yang ditanggung akibat kerosakan ke atas jalan persekutuan, jalan negeri dan cerun di Johor adalah ditaksirkan sebanyak RM 60.51 juta.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mendirikan sistem amaran banjir di kawasan-kawasan strategik di seluruh negara. Tujuan sistem amaran banjir ini adalah untuk memberi amaran awal banjir kepada semua pihak agar dapat membuat persediaan awal supaya risiko kemusnahan harta benda dan nyawa dapat dikurangkan. Sistem amaran banjir ini terdiri daripada:

- i. 352 stesen telemetri hujan dan aras air;
- ii. 422 buah stesen siren;
- iii. 780 buah stesen tolok banjir sungaidengan pembaca;
- iv. 882 buah stesen tolok banjir kawasan; dan
- v. 168 papan amaran banjir.

JPS juga sedang membangunkan Sistem Ramalan Banjir monsun berasaskan model atmosfera dan Radar-Satelit (Atmospheric and Radar-satellite model-based Rainfall and Flood Forecasting). Sistem ini boleh



meramalkan hujan yang akan turun tiga hari lebih awal beserta dengan model hidrologi dan hidraulik yang akan meramalkan kawasan yang akan dibanjiri akibat daripada limpahan sungai. Sistem ini sedang dibangunkan untuk lembangan Sg. Pahang, lembangan Sg. Kelantan dan lembangan Sg. Johor memandangkan lembangan- lembangan tersebut selalu mengalami banjir monsun yang teruk. Sistem ini dijangka akan beroperasi pada pertengahan tahun 2011.

Di samping itu, JPS juga sedang membangunkan dua (2) lagi sistem ramalan banjir yang dijangka akan beroperasi pada pertengahan tahun 2011, iaitu:

- i) **Sistem Bersepadu Ramalan Banjir dan Pengawasan Sungai untuk Lembangan Sg. Klang; dan**
- ii) **Sistem Bersepadu Ramalan dan Amaran Banjir untuk lembangan Sg. Muda, (Kedah/Pulau Pinang).**

Selain itu, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), dengan peruntukan yang diluluskan dalam *First Rolling Plan (2011 - 2012)*, JPS akan membangunkan tiga lagi model ramalan banjir menggunakan model atmosfera dan Radar-Satelit untuk Sungai Sarawak di Sarawak, Sungai Padas di Sabah dan Sungai Muar di Johor.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN  
DARIPADA**

**LISAN  
YB. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA  
JOSEPH PAIRIN KITINGAN  
[ KENINGAU ]**

**T ARIKH**

**6 APRIL 2011 (RABU)**

**SOALAN**

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan sama ada Kementerian telah mengenal pasti tempat-tempat cadangan projek hidroelektrik yang sesuai di negeri Sabah, dan kalau sudah, dimanakah tempat- tempat yang sudah dikenal pasti.

**JAWAPAN Tuan**

Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pembangunan sumber hidroelektrik merupakan antara opsyen penjanaan elektrik jangka panjang yang dikenalpasti dapat menyumbang kepada usaha untuk mempelbagaikan sumber penjanaan elektrik yang mesra alam di negeri Sabah pada masa hadapan. Di samping itu, ia juga dijangka menyumbang kepada pembekalan elektrik yang mencukupi dan berdaya harap bagi menampung peningkatan permintaan elektrik di negeri Sabah yang diunjurkan

berkembang pada kadar purata 6.7% setahun untuk tempoh 2010 sehingga 2020.

Antara lokasi sumber hidro yang berpotensi untuk dibangunkan di negeri Sabah ialah di Liwagu dan Ulu Padas dengan potensi penjanaan sebanyak 325 Mega- Watt (MW), di mana Projek Hidroelektrik Liwagu berkapasiti 175MW, manakala Projek Hidroelektrik Ulu Padas berkapasiti 150MW. Kedua-dua projek ini dirancang untuk pelaksanaan selepas tahun 2018. Pada masa ini, isu-isu seperti penempatan semula penduduk dan pembinaan talian penghantaran yang berkenaan masih dalam kajian oleh Kerajaan.

Dalam pada itu, Kerajaan berharap pembangunan projek- projek hidroelektrik di negeri Sabah mendapat sokongan semua pihak ke arah memastikan kejayaan pelaksanaannya, sekali gus memastikan pembekalan elektrik yang lebih berdaya harap dan mesra alam di negeri Sabah pada masa hadapan.

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN  
DARIPADA**

**LISAN  
YB. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[LEMBAH PANTAI]**

**TARIKH**

**RABU, 6 APRIL 2011**

**RUJUKAN  
SOALAN**

**12 [PR-000- L42884]**

**Puan Nurul Izzah Binti Anwar [ Lembah Pantai ] minta **MENTERI WILAYAH  
PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR****

menyatakan adakah projek fasa pertama jejantas pejalan kaki Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) ke Hotel Impiana KLCC dibuat melalui proses tender terbuka dan apakah piawaian rekaan serta kos sebenar keseluruhan projek.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Lembah Pantai, projek fasa pertama jejantas pejalan kaki dari Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) ke Hotel Impiana KLCC adalah dibiayai sepenuhnya oleh PETRONAS. Proses tender dan pelantikan juruperunding serta kontraktor bagi projek ini adalah diuruskan oleh KLCC Holdings Sdn. Bhd. (KLCCH) yakni anak syarikat milik penuh PETRONAS.



Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebagai agensi penyelarasan utama bagi projek rangkaian pejalan kaki (pedestrian linkages,) telah dipertanggungjawabkan untuk memantau pelaksanaan projek supaya dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan memastikan segala kehendak-kehendak dan syarat-syarat seperti yang ditetapkan oleh DBKL dipatuhi oleh KLCHH melalui Perintah Pembangunan dan Kelulusan Pelan Pembangunan.

Antara syarat yang dikenakan adalah jejantas yang berhawa dingin untuk keselesaan pengguna, dilengkapi dengan televisyen litar tutup (CCTV) untuk keselamatan pengguna, mesra pengguna kepada golongan istimewa dan mengikut ciri reka bentuk Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Jejantas sepanjang 152 meter dengan lebar 5 meter ini dibina dengan kos projek sebanyak RM9.5 juta. Secara terperinci, kos pembinaan adalah pada RM62,500 setiap meter atau RM12,500 setiap meter persegi atau RM1,161.00 setiap kaki persegi.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**                      **LISA**  
**DARIPADA**                        **N        Y.B. DATO' SHAMSUL**  
   **ANUAR BIN**

**NASARAH [LENGGONG]**

**TARIKH**                              **6 APRIL 2011**

**SOALAN**                             **Meminta MENTERI PELANCONGAN**  
**menyatakan:**

- a) Statistik kehadiran pelancong mengikut negara sepanjang 2010 dan suku pertama 2011; dan
- b) Produk pelancongan yang disukai pelancong asing ke negara ini dan bentuk bantuan, sokongan dan program yang boleh dilakukan dalam memajukan sektor pelancongan terutama di luar Bandar.



## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

a)

Jumlah kemasukan pelancong asing ke Malaysia pada tahun 2010 adalah amat memberangsangkan dimana seramai **24.6 juta** pelancong dicatat memasuki negara ini dengan menghasilkan jumlah pendapatan pelancong (*tourist receipts*) berjumlah **RM56.5 billion**.

Jumlah kemasukan pelancong pada tahun 2010 ini mencatat **kenaikan 3.9%** berbanding tahun 2009 yang mencatat kemasukan **23.6 juta** pelancong. Dari segi hasil pendapatan pelancong (*tourist receipts*) pula, tahun 2010 mencatat **kenaikan 5.9%** berbanding tahun 2009 yang mencatat sejumlah **RM53.4 billion**.

Berikut ialah **senarai 10 negara tertinggi** yang menyumbang kepada kemasukan pelancong asing pada tahun 2010 dan 2009 iaitu:

- 1) **Singapura** dengan jumlah pelancong **13.04 juta** pada tahun 2010 dan **12.73 juta** pelancong pada tahun 2009;

- 2) **Indonesia** dengan jumlah pelancong **2.51 juta** pada tahun 2010 dan **2.41 juta** pelancong pada tahun 2009;
- 3) **Thailand** dengan jumlah pelancong **1.46 juta** pada tahun 2010 dan **1.45 juta** pelancong pada tahun 2009;
- 4) **China** dengan jumlah pelancong **1.13 juta** pada tahun 2010 dan **1.02 juta** pelancong pada tahun 2009;
- 5) **Brunei** dengan jumlah pelancong **1.12 juta** pada tahun 2010 dan **1.06 juta** pelancong pada tahun 2009;
- 6) **India** dengan jumlah pelancong **690 ribu** pada tahun 2010 dan **590 ribu** pelancong pada tahun 2009;
- 7) **Australia** dengan jumlah pelancong **580 ribu** pada tahun 2010 dan **533 ribu** pelancong pada tahun 2009;
- 8) **Filipina** dengan jumlah pelancong **486 ribu** pada tahun 2010 dan **447 ribu** pelancong pada tahun 2009;
- 9) **United Kingdom** dengan jumlah pelancong **429 ribu** pada tahun 2010 dan **435 ribu** pelancong pada tahun 2009; dan
- 10) **Jepun** dengan jumlah pelancong **415 ribu** pada tahun 2010 dan **395 ribu** pelancong pada tahun 2009.

Tuan Yang di-Pertua

b)

Salah satu produk pelancongan di luar bandar yang disukai oleh para pelancong asing adalah Homestay. Di antara bentuk bantuan, sokongan dan program yang boleh dilakukan dalam memajukan lagi produk pelancongan Homestay yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan adalah:

- i. Menyediakan bantuan menaik taraf kemudahan infrastruktur asas Homestay kepada para pengusaha Homestay seperti menaik taraf jalan masuk ke perkampungan Homestay, dewan orang ramai, membina pusat aktiviti Homestay dan papan tunjuk arah;
- ii. Memberi latihan atau kursus yang berterusan kepada para pengusaha Homestay untuk meningkatkan lagi perkhidmatan, pengetahuan dan kemahiran mereka. Contohnya pelaksanaan kursus di bawah *Malaysia Welcomes the World* (MWW) seperti Mesra Malaysia, *Tourism English*, *Act Tourism* dan Kursus *Grooming and Social Etiquette*;

Melaksanakan aktiviti promosi Homestay yang berterusan secara giat dan aktif seperti menyertai pameran dan *Travel Mart* di luar negara, misi promosi Homestay ke luar negara, mengadakan *FAM Trip* Homestay, penyebaran brosur dan video Homestay serta mempromosikan Homestay menerusi laman web [www.go2homestay.com](http://www.go2homestay.com);

Pelaksanaan Program Malaysia Homestay Railway Tourism iaitu mempromosikan Homestay menerusi pengangkutan keretapi untuk ke destinasi Homestay yang dipilih berdasarkan pakej- pakej yang telah dibangunkan;

Pelaksanaan Program *Plant a Tree* (PAT) di Homestay yang menggalakkan setiap para pelancong yang berkunjung ke Homestay untuk menanam satu anak pokok ketika melawat ke Homestay. Ini akan menggalakkan kedatangan pelancong secara berulang bagi melihat kembali hasil tanaman mereka selain menjadi salah satu sumbangan terhadap pemeliharaan alam semula jadi;

Penyertaan di dalam *Showcase Satu Daerah Satu Industri* (SDSI) anjuran Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang diadakan setiap tahun. Pameran ini memberi peluang kepada para pengusaha Homestay untuk

mempamerkan dan menjual produk serta pakej-pakej Homestay kepada orang ramai; dan

vii. Mengadakan Program Karnival dan Seminar Homestay bagi mempromosi dan mendedahkan kepada orang ramai mengenai produk Homestay di Malaysia. Selain itu, para pengusaha homestay juga dapat berkongsi maklumat dan mempelajari



**Soalan No : ^**

seramai 10108, tahun 2009 (8877 orang), tahun 2010 (7331 orang) dan tahun 2011 (358 orang).

Rjm 95

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

<b>Pertanyaan</b>	<b>PERTANYAAN LISAN</b>
<b>Daripada</b>	<b>Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [ Hulu Selangor ]</b>
<b>Tarikh Menjawab</b>	<b>6 April 2011</b>
<b>Soalan</b>	<b>(Rabu) No. ^e?'</b>

Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [ Hulu Selangor ] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan jumlah keluasan perusahaan perladangan di kawasan Hulu Selangor. Siapakah pemilik-pemilik ladang tersebut dan apakah kemudahan asas yang disediakan oleh pemilik-pemilik tersebut untuk memastikan pekerja-pekerja ladang menikmati kehidupan yang selesa.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Daerah Hulu Selangor mempunyai jumlah keluasan ladang seluas 28,817.70 hektar yang terdiri daripada tanaman sawit seluas 20,910.23 hektar dan tanaman getah seluas 7,907.47 hektar.

2. Ladang-ladang sawit ini dimiliki oleh 26 pemilik dan ladang-ladang getah pula dimiliki oleh 6 pemilik. Pemilik-pemilik ini terdiri daripada FELDA, FELCRA, RISDA, Berjayacity Sdn. Bhd., United Plantations Berhad, Kuala Lumpur Kepong Berhad dan syarikat-syarikat perladangan yang kecil yang lain.

3. Kesemua pemilik-pemilik ladang ini menyediakan pelbagai kemudahan asas untuk pekerja-pekerja mereka. Ini termasuklah rumah pekerja, bekalan air, bekalan elektrik, pusat asuhan kanak-kanak (PAKK), klinik, sekolah, tempat beribadat dan jalan berturap. Kemudahan-kemudahan ini telah membantu memastikan pekerja ladang menikmati hidup yang lebih selesa.

NO.SOALAN: £8~

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA**  
**[BACHOK]**  
**TARIKH 6 APRIL 2011**

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada peranan Institut Integriti Malaysia dalam membentuk masyarakat Malaysia yang menghayati nilai-nilai murni dan beretika masih lagi berkesan ataupun sebaliknya

**JAWAPAN :**

Tuan yang Dipertua,  
Pelancaran Pelan Integriti Nasional (PIN) dan IIM pada 23 April 2004 merupakan agenda berterusan pihak kerajaan kearah membudayakan integriti Masyarakat Malaysia pelbagai sektor.



**IIM selaku agensi pelaksana dan pemantau PIN adalah komited dalam menjalankan pelbagai program dan aktiviti yang dicadangkan dalam Strategi dan Pelan Tindakan PIN. Pelaksanaan, pemantauan dan penilaian ke atas keberkesanan pelbagai program dan aktiviti itu menjadi pemangkin kepada gerakan pemantapan integriti melalui kepimpinan berteladan, dasar yang utuh dan matlamat yang jelas, pendidikan**

berterusan dan berulang; komunikasi berkesan, persekitaran budaya yang kondusif; kerjasama jentera politik dan pentadbiran, kerangka perundangan berkesan dan kehakiman bebas, kecukupan dan kecekapan sumber; dan kesediaan individu untuk berubah.

Peranan IIM adalah amat penting dan perlu dalam mencapai matlamat wawasan 2020 untuk membina masyarakat yang bermoral tinggi dan beretika. Aspek integriti perlu dilihat dalam kerangka yang lebih luas di mana terdapat komponen - komponen lain iaitu meningkatkan kecekapan dalam sistem perkhidmatan awam dan mengatasi karenah birokrasi, meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat yang juga menjadi keutamaan Kerajaan. Atas dasar itu juga, *Tekad*

2008 di fasa pertama PIN diteruskan ke fasa kedua dengan *Tekad Integriti*. Ini juga menunjukkan kerajaan amat komited dan akan terus berusaha untuk memastikan bahawa reputasi negara ini terus dipandang tinggi oleh masyarakat dalam dan luar negara kerana usaha kita yang serius dalam pembudayaan integriti.

Walau bagaimanapun, bagi mencapai matlamat membudayakan integriti masyarakat Malaysia, ia nya memerlukan suatu jangka masa panjang. Justeru, semua pihak, termasuk sektor awam, swasta, korporat, politik, media, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pelbagai pertubuhan dan persatuan, kepimpinan masyarakat, kalangan belia dan pelajar, warga pendidik serta ibu-bapa perlu memainkan peranan masing-masing untuk membantu menjayakan pelaksanaan agenda integriti negara sebagaimana digariskan di dalam Pelan Integriti Nasional.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

DATO' SERI TIONG KING SING

[ BINTULU ]

TARIKH : 6 APRIL 2011 (RABU)

**SOALAN:**

Dato<sup>1</sup> Seri Tiong King Sing [ Bintulu ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan berapakah jumlah hasil kutipan syarikat komunikasi terutamanya Celcom, Maxis dan Digi yang disebabkan "*data roaming*" di luar negara yang tidak disedari oleh pengguna semenjak tahun 2008 dan apakah langkah penyelesaian yang telah diambil.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SKMM tidak dapat mengukur jumlah hasil kutipan syarikat komunikasi terutamanya Celcom, Maxis dan Digi yang disebabkan "*data roaming*" di luar negara yang tidak disedari oleh pengguna.



## SOALAN NO: 59

Namun, SKMM memandang serius sebarang pertikaian bil bagi “*data roaming*”. Bagi kes sebegini, SKMM akan mengarahkan pihak pembekal perkhidmatan untuk menyiasat sama ada caj tersebut adalah sah di buat dari talian pelanggan berdasarkan rekod penggunaan pelanggan yang diterima dari “*roaming operator*”<sup>3</sup> di negara berkenaan. Berdasarkan kes dan aduan yang diterima, hasil siasatan yang dijalankan mendapati umumnya caj adalah sah dari talian pelanggan.

Antara punca utama masalah adalah kurangnya kesedaran dan pengetahuan pengguna dalam menggunakan perkhidmatan Internet/data tersebut semasa di luar negara. Faktor lain adalah pelanggan tidak menyedari kadar caj yang dikenakan oleh penyedia perkhidmatan negara luar adalah mengikut kadar caj penggunaan negara tersebut yang mana ianya jauh lebih tinggi dari caj tempatan.

Antara langkah penyelesaian yang diambil oleh pihak pembekal perkhidmatan ialah dengan menghantar notifikasi kepada pengguna berkenaan maklumat terkini penggunaan. Ini membolehkan pelanggan mengetahui penggunaan caj terkini dan merancang penggunaan mereka ketika di luar negara. Di samping itu, pengguna juga boleh mendapatkan khidmat nasihat dari pihak pembekal perkhidmatan berkenaan kadar atau pakej-pakej dengan kadar istimewa yang ditawarkan bagi “*dafa roaming*” ke luar negara.

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON  
[ IPOH BARAT ]

TARIKH : 6 APRIL 2011 (RABU)

**SOALAN:**

**Tuan Kulasegaran A/L Murugeson minta PERDANA MENTERI menyatakan:**

- a) apakah yang menyebabkan Kerajaan gagal mencapai sasaran untuk meningkatkan ekuiti kaum India kepada 30% dalam tahun 2010; dan**
- b) mengapakah tidak dilaksanakan langkah-langkah khusus untuk meningkatkan kadar pertumbuhan sosio ekonomi kaum India.**

**JAWAPAN:**

- a) Tuan Yang di-Pertua,**

**Terlebih dahulu izinkan saya memperbetulkan kenyataan Ahli Yang Berhormat mengenai maklumat sasaran pemilikan ekuiti masyarakat India yang sebenarnya ialah 1.5 peratus bagi tahun 2010, dan 3 peratus pada tahun 2020.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilikan ekuiti etnik India telah meningkat daripada 1.1 peratus pada tahun 2006 kepada 1.6**



peratus pada tahun 2008. Kerajaan terus mengambil langkah ke arah meningkatkan pemilikan ekuiti India dalam sektor korporat selaras dengan sasaran yang ditetapkan. Antara program yang dilaksanakan ialah program pembasmian kemiskinan, bantuan kewangan, latihan kemahiran dan keusahawanan serta pengagihan unit amanah saham.

b) Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Kerajaan adalah jelas iaitu untuk memberi peluang dan memastikan semua rakyat dapat menikmati hasil kekayaan negara secara saksama. Bagi golongan yang ketinggalan akan terus diberi perhatian utama dalam memastikan mereka juga tidak tersisih dari arus pembangunan. Dalam hal ini, pelbagai langkah khusus dilaksanakan bagi memberi peluang kepada golongan yang masih ketinggalan tanpa mengira etnik dan pahaman politik. Ini termasuklah program bagi masyarakat Orang Asli, Bumiputera minoriti di Sabah dan Sarawak, penduduk Kampung Baru Cina, bekas pekerja ladang dan sebagainya termasuk masyarakat India bagi membantu meningkatkan penyertaan mereka dalam semua sektor ekonomi.

Program yang dijalankan meliputi penyediaan infrastuktur bekalan air dan elektrik, kemudahan kewangan, latihan kemahiran, latihan dan program pembangunan usahawan, kemudahan perumahan program pembangunan kepimpinan dan sahsiah, serta peluang untuk memiliki unit amanah saham. Selain dari itu, Kerajaan juga menyediakan peruntukan melalui bantuan modal bagi pembangunan sekolah Tamil. Melalui pelaksanaan pelbagai program ini, Kerajaan yakin taraf hidup masyarakat India akan bertambah baik seiring dengan etnik lain secara keseluruhannya.





SJ.B/(107)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**DARIPADA                      DATO' SERI   ONG TEE KEAT [PANDAN]**

**PERTANYAAN        :       LISAN**

**TARIKH                              6.04.2011**

**Dato' Seri Ong Tee Keat(Pandan) minta MENTERI KEWANGAN**

**menyatakan menyatakan sama ada Pelabuhan Pulau Pinang akan diswastakan. Jika ya, nyatakan penjadualan dan status terkininya. Jika tidak, apakah langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan daya saingnya.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Untuk makluman Yang Berhormat, Penang Port Sdn Bhd (PPSB) adalah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang telah ditubuhkan pada 7 Disember 1993 untuk mengendalikan aktiviti Pelabuhan Pulau Pinang. PPSB telah dikenal pasti sebagai syarikat yang berpotensi untuk diswastakan dalam inisiatif gelombang kedua penswastaan. Pada masa ini, Kementerian Kewangan sedang meneliti beberapa cadangan penswastaan yang diterima daripada pelabur tempatan dan asing.**

**2. Melalui langkah penswastaan ini, adalah dijangka pelabur yang berjaya dapat mentransformasikan dan meningkatkan kecekapan operasi PPSB supayadapat bersaing sebagai salah satu pengendali**

**perkapalan yang cekap dan berkesan serta terbesar di sebelah Utara Semenanjung Malaysia.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT. MALAYSIA**

**PERTANYAAN  
DARIPADA  
KAWASAN  
TARIKH  
NO. SOALAN**

**LISA  
N  
Tuan William Leong Jee Keen  
Selayang  
6.4.2011 (Rabu)**

Tuan William Leong Jee Keen<sup>62</sup> [ Selayang ] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan adakah sistem AP atau jumlah dan jenis produk AP khususnya untuk kereta akan dihapuskan setelah kajian semula dibuat untuk meliberalisasi ekonomi dan menggalakkan persaingan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

**Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dasar pengeluaran AP telah diperkenalkan bertujuan:**

- (i) Sebagai obiiigasi negara dalam perjanjian antarabangsa;**
- (ii) Bagi penguatkuasaan standard;**
- (iii) Memastikan bekalan tempatan mencukupi;**
- (iv) Menjamin keselamatan negara;**
- (v) Memberi perlindungan kepada industri tempatan; dan**
- (vi) Sebagai mekanisme pemantauan dan pengumpulan data.**

**Pada masa ini sebanyak 33 produk tertakluk kepada lesen Import dan 27 produk tertakluk kepada Lesen Eksport yang merangkumi 1,171 barisan tarif yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Kajian semula dasar pengeluaran Lesen Import dan Eksport (AP) juga telah dilaksanakan dengan membuat penilaian ke atas impaknya kepada industri dan kecekapan ekonomi negara. Kajian ini adalah bagi memastikan:**

- (i) ia masih relevan dan selaras dengan dasar liberalisasi pasaran global;**
- (ii) meningkatkan daya saing industri tempatan dan kecekapan ekonomi negara; dan**
- (iii) selaras dengan dasar liberalisasi pasaran global dan komitmen Malaysia di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas Duahala dan Pelbagaihala.**

**Hasil daripada kajian tersebut, kerajaan telah memutuskan untuk:**

- (i) memansuhkan 57 barisan tarif Lesen Import dan 278**

- barisan tarif Lesen Eksport;**
- (ii) memindahkan pentadbiran pengeluaran 4 barisan tarif Lesen Import dan 184 barisan tarif Lesen Eksport kepada kementerian berlainan; dan**
  - (iii) mengekalkan 592 barisan tarif Lesen Import dan 56 barisan tarif Lesen Eksport.**

**Kementerian ini akan terus mengkaji dasar pengeluaran Lesen Import dan Eksport bagi Produk yang dikekalkan bagi meningkatkan sistem penyampaian dan meningkatkan daya saing industri tempatan.**

**Tuan Yang Di Pertua,**

**Sebagaimana Ahli-ahli Yang berhormat sedia maklum, di bawah Kajian Semula Dasar Automotif Nasional yang diumumkan pada 28 Oktober 2009, Kerajaan telah memutuskan bahawa dasar AP bagi pengimportan kenderaan terpakai akan dimansuhkan menjelang 31 Disember 2015 manakala dasar AP Francais pula akan dimansuhkan pada 31 Disember 2020. Dasar ini bertujuan untuk membantu usaha tranformasi dan integrasi industri automotif tempatan secara optimum ke dalam jaringan industri serantau dan global yang semakin liberal dan kompetitif serta meningkatkan keupayaan dan daya saing industri automotif tempatan dalam jangka panjang di peringkat antarabangsa.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :**           **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA**               **DATO<sup>1</sup> HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID**  
**TARIKH**                   **6 APRIL 2011 (RABU) NO.jM^ 63**  
**SOALAN**

Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [ Kuala Krau ] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah peranan penubuhan **Pariimen Mahasiswa** oleh IPT dan apakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan jawatankuasa khusus bagi membimbing kumpulan ini dan membentuk pelapis pemimpin negara yang berkualiti.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengajian Tinggi sememangnya menyokong dan menggalakkan pelaksanaan program-program pembangunan sahsiah pelajar di institusi pengajian tinggi termasuk melalui pembentukan **Pariimen Mahasiswa**. Sesuai dengan kuasa autonomi yang ada pada IPT, Naib-Naib Canselor telah diberi kuasa dalam menguruskan hal-hal berkaitan perkara ini di IPT masing- masing. Tujuan penubuhan **Pariimen Mahasiswa** adalah sebagai satu platform untuk pelajar memberi pandangan dan pendapat terhadap isu- isu semasa dalam dan luar negara. Menerusi **Pariimen Mahasiswa** juga, pelajar-pelajar yang terpilih menganggotainya akan mendapat



**pengalaman yang tentunya berguna untuk mereka menjadi rakyat Malaysia yang bertanggungjawab terutama apabila bergraduasi nanti.**

**Walaupun bagaimanapun, pembentukan Parlimen Mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) pada masa ini masih di peringkat awal. Sehingga ini hanya Universiti Sains Malaysia (USM) yang menubuhkan Parlimen Mahasiswa secara rasmi pada 23 Oktober 2010. Pada masa ini, Kementerian belum bercadang untuk mewujudkan jawatankuasa khusus bagi membimbing kumpulan ini memandangkan ianya mampu diuruskan dengan baik di peringkat IPTA.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADATUAN LIM LIP ENG (SEGAMBUT)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH 06.04.2011**

**Tuan Lim Lip Eng (Segambut) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan senarai 20 nama pegawai kanan termasuk Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dalam syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) yang menerima elaun tahunan paling tinggi mengikut gaji dan bonus sejak tahun 2006.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Yang Berhormat, pakej ganjaran yang diberikan kepada kakitangan kanan syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) ditetapkan berdasarkan kepada pengalaman serta kepakaran masing-masing, di samping prestasi yang ditunjukkan.**



**2. Jumlah ganjaran yang diberikan adalah berpandukan kepada garis panduan di bawah Buku Biru - Meningkatkan Prestasi Pengurusan terbitan Jawatankuasa Putrajaya bagi Prestasi Tinggi GLC (PCG), yang antara lainnya menggariskan beberapa perkara bagi membantu GLC menetapkan rangka kerja ganjaran masing-masing seperti berikut:**

- i. **Memastikan gaji asas adalah kompetitif dengan pasaran;**
- ii. **Memastikan gaji asas mencerminkan prestasi individu;**
- iii. **Menghubungkan bayaran bonus dan ganjaran lain kepada pencapaian atau *rating* masing-masing;**
- iv. **Memastikan keseluruhan ganjaran adalah kompetitif dengan pasaran; dan**
- v. **Memberikan ganjaran dalam bentuk wang tunai dan/atau saham.**

3. Jumlah ganjaran yang diberikan kepada Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) GLC dikira setimpal dengan sasaran yang diberikan kepada mereka (dalam bentuk KPI serta pelbagai sasaran lain yang ditetapkan) untuk mentransformasikan GLC- GLC ini menjadi syarikat yang berprestasi tinggi. Walau bagaimanapun, CEO GLC-GLC ini, secara keseluruhannya menerima ganjaran dan pendapatan yang lebih rendah atau setara dengan rakan sejawatan mereka di syarikat-syarikat swasta yang lain. Sebagai perbandingan, julat pendapatan tahunan beberapa CEO GLC terpilih berbanding CEO syarikat swasta dalam industri yang sama bagi tahun 2006 sehingga 2009 adalah seperti berikut:

Industri perbankan, julat pendapatan tahunan CEO Maybank Banking Bhd (GLC) adalah di antara

**RM1.4 juta - RM4.9 juta berbanding CEO Public Bank Bhd (bukan GLC) yang menerima di antara RM4.7 juta - RM6.1 juta;**

**Industri tenaga/utiliti, julat pendapatan tahunan CEO Tenaga Nasional Bhd (GLC) adalah di antara RM0.8 juta - RM1.4 juta berbanding CEO YTL Corporation Bhd (bukan GLC) yang menerima di antara RM3.6 juta - RM10.2 juta;**

**Industri penerbangan, julat pendapatan tahunan CEO Malaysian Airline System Bhd (GLC) adalah di antara RM0.9 juta - RM1.5 juta berbanding CEO Air Asia Bhd (bukan GLC) yang menerima di antara RM1.0 juta - RM6.0 juta; dan Industri automotif, julat pendapatan tahunan CEO Proton Holdings Bhd (GLC) adalah di antara RM0.5 juta - RM1.0 juta berbanding CEO Tan Chong Motor Holdings Bhd (bukan GLC) yang menerima di antara RM4.5 juta - RM4.95 juta.**

**NO. AUM NO.**

**AUP : 69**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB  
LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**TUAN LIEW CHIN TONG [ BUKIT BENDERA ]**

**TARIKH**

**6 APRIL 2011**

**RUJUKAN**

**3466**

**SOALAN:**

**Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah polis yang telah ditugaskan di setiap pilihanraya kecil pasca Pilihanraya Umum 2008 dan perbelanjaan yang dikenakan.**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Bendera yang mengemukakan pertanyaan.**

**Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, PDRM sentiasa memberi perhatian yang serius kepada perjalanan setiap Pilihanraya Kecil (PRK) yang diadakan agar proses pengundian berjalan lancar dan mematuhi segala undang-undang dan peraturan. Selain daripada itu juga, keselamatan rakyat yang keluar mengundi adalah dibawah tanggungjawab PDRM dan adalah menjadi tugas mereka untuk memastikan mereka keluar tanpa rasa takut dan diganggu gugat.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak PDRM hanya mempunyai statistik jumlah anggota yang ditugaskan di setiap PRK dan jumlah perbelanjaan yang telah digunakan sehingga PRK N5 Dun Tenang sahaja. Jumlah anggota yang ditugaskan di setiap PRK dan jumlah perbelanjaan yang telah digunakan adalah seperti berikut:-**

<b>BIL.</b>	<b>PI LI HAN RAYA KECIL</b>	<b>JUMLAH ANGGOTA BERTUGAS</b>	<b>PERBELANJAAN</b>
1	P44 Permatang Pauh	5,401	2,822,807.00
2	P36 Kuala Terengganu	3,376	13,882,368.00
3	P59 Bukit Gantang	3,713	9,632,926.00
4	N25 Bukit Selambau	2,179	6,487,490.00
5	N29 Batang Air	1,745	5,026,920.00
6	N12 Penanti	1,751	6,265,409.00
7	N41 Manek Urai	2,044	5,943,680.00
8	N11 Permatang Pasir	3,898	7,835,770.00
9	P132 Bagan Pinang	1,549	6,308,471.00
10	P94 Hulu Selangor	4,009	11,367,995.00
11	P212 Sibul, Sarawak	1,737	4,386,210.00
12	P185 Batu Sapi	1,134	3,476,998.00
13	N45 Galas	2,979	6,313,482.00
14	N5 Tenang	3,376	9,763,768.20



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT** SOALAN NO. 66

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA DATUK CHUA SOON BUI  
[TAWAU]**

**TARIKH 6 APRIL 2011 (RABU)**

**SOALAN :**

**DATUK CHUA SOON BUI [TAWAU] minta PERDANA MENTERI menyatakan:**

- (a) Apakah pihak berkuasa Kerajaan yang melaksanakan projek-projek pembangunan dan berapakah jumlah peruntukan yang dibelanja dikawasan Parlimen Tawau, Sepanggar dan Kota Kinabalu di bawah peruntukan Ahli-Ahli Parlimen Kerajaan Barisan Nasional pada tahun 2009 dan 2010; dan**
- (b) Sila senaraikan projek-projek yang terlaksana di Tawau pada tahun-tahun 2009 dan 2010 di bawah peruntukan sedemikian.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

- (a) Jumlah peruntukan yang telah dibelanja di kawasan Parlimen Tawau, Sepanggar dan Kota Kinabalu di bawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri untuk kawasan-kawasan tersebut ialah sebanyak RM500,000.00 untuk setiap kawasan bagi tahun 2009. Jumlah yang**





sama juga dibelanjakan untuk kawasan-kawasan tersebut bagi tahun 2010.

(b) Program/projek yang dilaksanakan di kawasan Parlimen Tawau pada tahun 2009 dan 2010 di bawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri untuk kawasan tersebut adalah seperti berikut:

BIL	KATEdORI	2009		2010	
		BIL PROJEK	KOS(RM)	BIL. PROJEK	KOS (RM)
1	Menyelenggara, menaiktaraf dan membina jalan/jambatan	5	100,000	13	176,000
2	Perbekalan peralatan pembinaan	3	60,000	2	30,000
3	Perbekalan pelbagai jenis peralatan (alat-alat sukan, peralatan muzik, pukot ikan, perahu, <i>P.A system</i> , sejadah dan lain-lain)	8	160,000	14	134,000
4	Sumbangan kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), JKKK dan sekolah	4	80,000	1	20,000
5	Penganjuran program	2	80,000	8	80,000
6	Lain-lain projek (pagar,parit, membersihkan sungai, membaikpulih balai raya dan dewan)	1	20,000	5	60,000
MBi	JUMLAH	23	500,000	43	500,000

**SOALAN NO : 67.**

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN LISAN

PERTANYAAN  
DARIPADA

DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAFUR BIN HAJI  
SALLEH

6 APRIL 2011 (RABU)

TARIKH

SOALAN:

DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAFUR BIN HAJI SALLEH [KALABAKAN] minta PERDANA MENTERI menyatakan dalam usaha mencapai negara berpendapatan tinggi:

- a) apakah Kerajaan sudah berpuas hati bahawa sumber modal insan dan prasarana yang ada sudah bersedia; dan
- b) apakah jangka masa pencapaian (time frame) yang ditetapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menjawab soalan bahagian yang pertama, Kerajaan secara berterusan menilai sumber modal insan yang dikeluarkan oleh institusi pendidikan dan latihan bagi tujuan penambahbaikan kualiti pendidikan dan latihan supaya memenuhi keperluan pasaran tenaga kerja. Langkah membangunkan modal insan bagi memenuhi keperluan negara untuk mencapai negara berpendapatan tinggi adalah langkah yang berterusan dan ditambah baik selaras dengan perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi. Ke arah ini, dalam RMKe- 10, sistem penyampaian pendidikan dan latihan diperkukuh di semua peringkat bermula daripada prasekolah hingga ke peringkat tertiar serta dalam kalangan pekerja. Tumpuan diberi kepada penambahbaikan kurikulum; peningkatan kualiti guru, pensyarah dan tenaga pengajar; pengukuhan sistem penyampaian dan urus tadbir sekolah dan institusi pendidikan tertiar; peningkatan kolaborasi institusi dengan industri; dan peningkatan kemahiran pekerja sedia ada serta

kebolehpasaran graduan. Melalui langkah-langkah yang diambil ini, menjelang 2020 tenaga kerja mahir akan membentuk 50% daripada jumlah tenaga kerja, meningkat daripada 28% pada tahun 2008. Peningkatan komposisi tenaga mahir ini penting untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab bahagian kedua soalan, Kerajaan telah menetapkan untuk mencapai status negara maju: dan berpendapatan tinggi pada tahun 2020, sepertimana yang terkandung dalam Wawasan 2020. Matlamat ini masih tidak berubah dan akan dicapai melalui pelaksanaan dasar, langkah, program dan projek pembangunan negara yang digariskan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015 dan Model Baru Ekonomi, 2011-2020. Dalam tempoh tersebut, ekonomi negara perlu berkembang pada kadar purata sebanyak 6.0% setahun bagi mencapai pendapatan per kapita, sekurang-kurangnya RM48,000 atau AS\$15,000 pada tahun 2020. Sektor swasta akan menjadi penggerak utama pertumbuhan, manakala sektor awam memainkan peranan sebagai pemudahcara bagi menggalak pelaburan, terutamanya pelaburan swasta. Di samping itu, usaha juga dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat dengan melahirkan modal insan yang berkuajiti, menyediakan kemudahan kesihatan dan infrastuktur yang baik serta persekitaran yang mampan.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, pada tahun 2010, ekonomi telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 7.2% dan pendapatan per kapita pada paras RM26,219 atau AS\$8,140. Walaupun pencapaian ini lebih rendah berbanding dengan paras minimum pendapatan per kapita negara berpendapatan tinggi sebanyak AS\$12,387, Kerajaan yakin bahawa matlamat bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang tahun 2020 akan tercapai.

**NO. AUM WJK^0**

**NO. AUP : (>%**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :**           **LISAN**  
**DARIPADA**               **DATUK SERI PANGLIMA WILFRED**  
                                  **MOJILIP BUMBURING [ TUARAN ]**  
**TARIKH**                 **6 APRIL**                                 **2011**  
**RUJUKAN**               **3542**

**SOALAN:**

**Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [ Tuaran ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan Kerajaan ke atas seseorang yang memegang kewarganegaraan Malaysia yang telah di tabal sebagai Sultan Sulu pada 7hb Februari 2011 di Sabah. Adakah Kerajaan membenarkan seseorang memegang dua kerakyatan.**



## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua ,**

**Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tuaran yang mengemukakan pertanyaan.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Perlembagaan Persekutuan dalam Fasal (1) dan (2), Perkara 24 dengan jelas memberi kuasa kepada Kerajaan untuk melucutkan kewarganegaraan mana-mana individu yang telah memperolehi dan menggunakan kewarganegaraan negara asing.**

**Dalam konteks ini, isu pertabalan Sultan Sulu pada 7 Februari 2011 di Sabah tidak timbul kerana undang-undang tidak membenarkan rakyatnya memiliki dua kerakyatan dan kes tersebut sedang dalam siasatan pihak polis.**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN            LISAN**

**TARIKH                :        6APRIL 2011 (RABU)**

**DARIPADA : Y.B. TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN  
   IPADANG SERAI]**

### **SOALAN**

**Y.B. TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN [PADANG SERAI] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan jumlah rumah yang masih belum dibina di projek perumahan KTC1 di Kulim Hi Tech, Kedah dan kenapa.**

## **SOALAN ( 69 )**

### **JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Mengikut rekod pelesenan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Projek Perumahan KTC atau Kulim Techno City telah diluluskan Kerajaan Negeri untuk dibangunkan dengan jumlah 2,063 unit rumah pelbagai jenis, dalam 4 fasa pembangunan. Projek KTC 1 atau fasa pertama projek perumahan ini yang merangkumi Fasa 1A, Fasa 1B dan Fasa 1C yang mempunyai 356 unit rumah telah siap dibina dengan CF pada 24 Julai 2000. Jumlah unit rumah yang telah disediakan dengan CF ini adalah sama dengan jumlah unit rumah yang telah dinyatakan pemaju semasa permohonan untuk mendapat lesen pemaju daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Oleh yang demikian, mengikut rekod Kementerian tiada unit rumah yang belum dibina di projek perumahan KTC1 ini.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan April 2011